

قَتِيقَن تِيتَه

PETIKAN TITAH

“AJARAN-AJARAN Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan. Termasuk hukum-hakamnya, jangan dilangkahi. Dari hukum berkaitan dengan ibadat dan kemasyarakatan, sampai kepada hukum makan minum pun, wajib dikalंगा. Jangan ia dianggap kurang penting. Malah ia adalah 'terpenting'. Kerana sumber makanan itu sangat menentukan sekali: menentukan ibadat, sama ada ia diterima ataupun tidak, dan malah turut menentukan Syurga dan Neraka kita.”

- Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432H/ 2011M pada 17 Ramadan 1432/ 17 Ogos 2011.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

“PADA hal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepada-Nya semata-mata lagi tetap berdiri teguh atas dasar tauhid dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus.”
- (Surah Al Bayyinah ayat 5).

TAHUN 59 / BILANGAN 84

5 JULAI 2014 / 1435 رمضان 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA



Brunei-Amerika Syarikat nikmati hubungan persahabatan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Barack H. Obama serta kerajaan dan rakyatnya bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat 4 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Barack H. Obama serta kerajaan dan rakyatnya bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa pada ulang tahun ke-30 penubuhan talian diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat, baginda amat gembira menghantar ucapan tahniah sempena Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat kepada Tuan Yang Terutama serta kerajaan dan rakyat negara itu.

Baginda seterusnya berharap semoga rakyat Amerika Syarikat akan menikmati perayaan yang menggemirakan dan juga berharap untuk meneruskan kerja bersama bagi mengukuhkan persahabatan dan kerjasama di dalam bidang-bidang yang mustahak kepada rakan perkongsian dua hala dan antarabangsa di antara kedua-dua buah negara.

Baginda mengakhiri perutusan tersebut dengan menyampaikan salam muhibah kepada TYT Barack H. Obama dan keluarganya, semoga mereka akan menikmati keadaan sihat walafiat dan kebahagiaan.

Dalam pada itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, turut menghantar perutusan tahniah kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama John F. Kerry, kerajaan dan rakyat Amerika Syarikat sempena Hari Kemerdekaan negara berkenaan.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia meluahkan rasa berbesar hati kerana dapat bekerjasama dengan Tuan Yang Terutama dalam tahun kebelakangan ini untuk mengukuhkan kerjasama berharga di antara kedua-dua negara dalam hubungan dua hala dan serantau yang penting.

DYTM juga meluahkan perasaan sangat gembira bahawa rakyat kedua-dua buah negara bekerjasama rapat dalam pelbagai bidang penting dan terus membentuk hubungan kukuh dan peribadi dalam semangat persahabatan dan muhibah yang telah lama dikongsi.

Tahun ini menandakan 30 tahun sejak penubuhan hubungan diplomatik moden dan DYTM berharap untuk bekerjasama dengan TYT untuk terus mengukuhkan hubungan-hubungan yang sangat dihargai ini.

DYTM mengakhiri perutusan dengan menyampaikan salam muhibah kepada TYT dan keluarga dan kepada rakyat Amerika Syarikat selamat menyambut perayaan 4 Julai.

Anak yatim terima sumbangan persediaan Aidilfitri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Bagi meringankan beban perbelanjaan keperluan harian anak-anak yatim dan juga sebagai persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sekali lagi menganjurkan Majlis Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1435 Hijriah/ 2014 Masihi.

Jumlah sumbangan daripada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan di bawah pengendalian JAPEM adalah sebanyak BND208,160; Tabung Dana Anak Yatim DBM berjumlah BND101,160 dan BIBD telah menyumbangkan sebanyak BND260,200.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada anak-anak yatim ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan Datin serta Pemangku Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD dan Datin.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Ke muka 24



Muka 3
MAJLIS Bertadarus Al-Qur'an
di Hospital-Hospital



Muka 4
KHEU bertadarus
di Masjid Labi

Program YOLO ubah paradigma belia kepada lebih positif

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

SEGALA pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua kita dapat berkumpul pada petang ini di majlis yang penuh dengan kebajikan dan keberkatan ini.

Terlebih dahulu saya sukacita mengucapkan terima kasih di atas ingatan baik Jawatankuasa Program Youth Organization & Leadership Opportunity (YOLO) yang berkesudian untuk menjemput saya hadir bersama di Majlis Penutup Program YOLO.

Saya difahamkan Program YOLO berhasrat untuk menanamkan rasa pemedulian di dalam jiwa para belia di Negara Brunei Darussalam terhadap Pembangunan Belia (Youth Development) dengan menerapkan elemen-elemen Youth Leadership di dalam program kerjasama yang berkonsepkan *helping the youth by the youth*. Adalah diharapkan melalui program ini akan dapat membantu para belia membuka minda dan memanfaatkan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran, pekerjaan mahupun keusahawanan. Program ini juga memberi peluang kepada para belia untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman dengan menggunakan kaedah-kaedah interaktif seperti *communication, problem-solving, decision-making, adaptability, planning, project management* dan *trust-building*. Kesemuanya ini adalah diharapkan akan dapat mengubah paradigma para belia kepada yang lebih positif dan meningkatkan keyakinan diri para belia, yang mana sifat-sifat seperti ini amat perlu dalam mencari pekerjaan.

Program YOLO adalah selaras dengan usaha-usaha Jawatankuasa Kerja Khas Menangani Isu-Isu Pengangguran dan mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menangani isu pengangguran khususnya dari segi pembinaan diri dan minda yang positif. Program ini disediakan pada menjunjung titah Baginda semasa Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-8, 2013 yang berbunyi :

“Para belia perlu menukar pemikiran (mindset) ke arah perubahan sikap, di mana mereka tidak akan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan dan para belia semestinya lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan di bidang keusahawanan,” demikian



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman semasa berucap pada Majlis Penutup Program Youth Organizational & Leadership Opportunity (YOLO) 31 Mei - 5 Jun 2014 Masihi anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerjasama dengan mahasiswa / mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) disokong oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja pada hari Khamis, 7 Syaaban 1435 Hijriah / 5 Jun 2014 Masihi, bertempat di Dewan Senate, Tingkat I, Chancelor Hall, UBD.

titah baginda.

Alhamdulillah daripada jumlah 18,000 pengangguran yang tercatat pada tahun 2013, yang mana kebanyakannya adalah terdiri daripada golongan belia, angka ini telah pun menurun dan kini lebih kurang 12,000 yang menganggur pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah hasil kerjasama semua pihak yang telah membantu secara kolektif dalam usaha untuk sama-sama membendung isu pengangguran di Negara Brunei Darussalam. Berbagai usaha berterusan sedang dan akan diambil untuk menambah peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan Brunei.

Baru-baru ini jua usaha untuk mengehadkan kuota bagi pekerja asing diperkenalkan khusus untuk menambah peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan. Pameran-pameran kerjaya sentiasa diadakan bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di daerah-daerah dan mukim jua dan pada hari ini jua terdapat pameran kerjaya kini berlangsung di Mukim Sengkulong.

Dalam hal ini, kita harus bertanya sama ada betul atau tidak anggapan kita bahawa peluang pekerjaan tidak mencukupi. Agensi Pekerjaan

Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) mendaftar sebanyak 2,404 jawatan kosong pada tahun 2013. Walaupun dengan usaha gigih dan proaktif APTK melalui, antara lain, pameran-pameran kerjaya, aplikasi *online*, Facebook dan Instagram, pada tahun 2013, hanya 28.3 peratus jawatan-jawatan kosong ini telah diisi. Ini bermakna lebih dari 1,700 kekosongan masih belum diisi. Dengan ini, peluang menunggu dan mungkin hanya memerlukan perubahan minda para pencari pekerjaan untuk bersedia menerima apa jua pekerjaan yang halal demi untuk menampung kehidupan seharian dan bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan keluarga.

Mencari pekerjaan yang halal itu, menurut Islam, adalah suatu tuntutan kewajiban ke atas setiap orang yang mampu bekerja. Islam mengatakan setiap umatnya untuk berdikari, sentiasa berusaha untuk membela kehidupan diri dan keluarga, tidak meminta-minta atau terlampau berharap kepada bantuan dan belas kasihan orang lain. Kita perlu ingat bahawa Allah Ta'ala tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu, kecuali kaum itu sendiri yang mengubah apa yang ada di dalam diri mereka.

Saya difahamkan Program YOLO ini dikendalikan oleh para belia yang terdiri daripada mahasiswa serta mahasiswi Universiti Brunei Darussalam dan para peserta adalah para belia jua yang datang daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kemahiran. Tidak dapat dinafikan bahawa cara yang baik untuk menyampaikan sesuatu mesej kepada para belia ialah melalui para belia sendiri. Dengan ini, para belia berasa bertanggungjawab dan mempunyai *ownership* dalam apa jua resolusi yang dipersetujui. Para belia sebagai fasilitator sudah setentunya akan lebih efektif untuk menerapkan sifat pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat khususnya golongan belia dalam membentuk sifat kepimpinan dan bersatu padu untuk meningkatkan keupayaan para belia yang cemerlang. Di sinilah tanggungjawab para belia dalam sama-sama memainkan peranan utama ke arah menangani isu pengangguran di negara ini demi untuk mencapai wawasan negara yang kita cintai ini. Saya percaya para belia yang telah mengikuti program ini akan dapat memberikan sumbangan yang berharga kepada bangsa dan negara.

Saya juga berharap agar program-program yang seumpama ini akan kerap diadakan di masa hadapan dan seterusnya membolehkan para belia untuk meneroka potensi serta berani tampil ke hadapan dalam melibatkan diri untuk program yang bersifat ke arah membentuk wawasan.

Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Program YOLO atas inisiatif ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang mengurniakan ganjaran yang baik di atas perkara yang berkebaikan ini. Amin.

Dari Sidang
Pengarang.

5 JULAI 2014 BERSAMAAN 1435 رمضان 7

AMALAN BERSEDEKAH DALAM BULAN RAMADAN AMAT DITUNTUT

DALAM bulan Ramadan yang mulia ini sebagai umat Islam, kita bukan sahaja mengejar keberkatan dalam menuai pahala tetapi terdapat banyak lagi keberkatan yang lain yang boleh kita peroleh dengan melakukan amalan-amalan yang dituntut. Salah satu daripadanya ialah amalan bersedekah. Amalan ini amat dianjurkan Islam dan akan mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa menunjukkan teladan kepada umatnya dalam perbuatan bersedekah seperti mana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Al Bukhari : “Jagalah kalian dari neraka, meskipun hanya dengan separuh kurma.”

Terdapat pelbagai hikmah yang boleh diambil daripada amalan bersedekah iaitu antaranya kita dapat mengeratkan lagi silaturahmi antara kita dan orang lain. Sedekah yang kita berikan itu sudah setentunya akan menyenangkan hati penerimanya serta dapat mengurangkan beban mahupun masalah yang ditanggungnya. Setiap sedekah yang diberikan itu bukan dinilai daripada bilangannya tetapi Allah Subhanahu Wata'ala melihat kepada keikhlasan kita memberi sedekah tersebut.

Dalam sebuah hadis riwayat Al Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud, “Barang siapa yang bersedekah sebesar biji kurma dari hasil yang baik dan Allah Subhanahu Wata'ala hanya menerima sesuatu yang baik saja. Nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menerimanya dengan tangan kanan-Nya, lalu memeliharanya untuk diberikan kepada pemiliknya sebagaimana salah seorang daripada kalian memelihara anak kudanya hingga (pahala sedekahnya itu) menjadi seperti gunung.”

Walau bagaimanapun, Islam tidak menghadkan tempoh masa untuk melakukan amalan bersedekah malahan ia boleh dilakukan pada bila-bila masa saja mengikut kemampuan kita. Namun amalan ini bersedekah yang paling afdal di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah ketika bulan Ramadan.

Perkara ini dapat kita perhatikan menerusi satu hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al Bukhari dan Muslim bermaksud, “Dari Ibnu Abbas, berkata: “Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah orang yang paling dermawan dan lebih besar kedermawannya pada bulan Ramadan ketika Jibril menemuinya. Jibril biasanya menemuinya setiap malam Ramadan, lalu tadarus Al-Qur'an (dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam). Sungguh Rasulullah ketika ditemui Jibril menjadi orang yang lebih bermurah hati dalam memberikan kebaikan, sehingga lebih banyak daripada tiupan angin.”

Pada bulan Ramadan yang mubarak ini, janganlah kita melepaskan peluang atas ganjaran Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada mereka yang mengamalkan sedekah. Alhamdulillah, amalan bersedekah pada bulan Ramadan banyak dilakukan khususnya amalan memberi makan kepada mereka yang berpuasa. Amalan ‘menyungkaikan’ di negara ini masih lagi kekal hingga ke hari ini. Kebiasaannya majlis menyungkaikan tersebut diadakan di rumah-rumah persendirian yang mana tuan rumah menjemput saudarama sambil disemarakkan dengan majlis bertahil sebelum berbuka puasa. Amalan bersedekah ini juga boleh kita lihat dengan adanya mereka yang menghantar sedekah makanan ke masjid-masjid untuk dinikmati oleh para jemaah yang bersolat di situ.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, “Barangsiapa memberikan makanan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa, maka ia memperoleh pahala sama dengan orang yang berpuasa; sedangkan pahala orang yang berpuasa itu sendiri tidak berkurang sedikit pun.” (Hadis riwayat Ahmad, At-Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban). Berdasarkan hadis ini, ia mendorong kita umat Islam supaya tidak mementingkan diri sendiri pada bulan Ramadan, akan tetapi menggalakkan umatnya menjaga kepentingan orang lain.

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang sentiasa mengharap rahmat-Nya serta keredaan-Nya, kita sewajarnya mencari apa sahaja jalan yang akan mengangkat darjat kita di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dengan meneladani Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Jika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menduduki darjat tertinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu pun sentiasa merebut peluang untuk mencari keredaan-Nya sebagai luahan rasa syukur Baginda atas segala kurniaan-Nya, jadi bagaimana pula kita yang merupakan hamba-Nya yang kerdil dan tidak terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa ini? Jadi rebutlah peluang untuk mengangkat darjat kita di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dengan memanfaatkan kehadiran bulan Ramadan ini dengan sebaiknya dan jangan biarkan ia berlalu begitu sahaja. - **Ketua Penyuntingan. (Md)**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
32 °C 25 °C	32 °C 25 °C	32 °C 24 °C
MUARA		
32 °C 26 °C	32 °C 26 °C	32 °C 26 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C 24 °C	32 °C 24 °C	32 °C 24 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C 24 °C	32 °C 24 °C	32 °C 24 °C
PEKAN SERIA		
31 °C 24 °C	31 °C 24 °C	32 °C 25 °C
KUALA BELAIT		
31 °C 24 °C	31 °C 24 °C	32 °C 25 °C

Walaupun Binasab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awani
Telefon : 2230142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Majlis Bertadarus Al-Qur'an di Hospital-Hospital

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof selaku tetamu kehormat.

TUTONG, Rabu, 2 Julai. - Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini memulakan siri Majlis Bertadarus Al-Qur'an di Hospital-Hospital Negara Brunei Darussalam bagi sama-sama menyemarakkan bulan Ramadan.

Majlis berlangsung di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) diadakan selepas Sembahyang Fardu Asar.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dari juz 4 (Surah Ali-Imran – An-Nisa) yang diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof selaku tetamu kehormat.

Juga menghadiri pada majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital



MAJLIS bertadarus berlangsung di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diadakan selepas Sembahyang Fardu Asar.

PMMPMHAMB, Awang Sabri bin Anuar serta pegawai-pegawai dan kakitangan di kementerian itu.

Majlis pada petang itu juga diteruskan dengan bertahlil, kemudian diselajurkan penyampaian derma kepada 10 orang anak yatim warga kerja Hospital PMMPMHAMB dan diteruskan dengan berbuka puasa serta Sembahyang Maghrib Berjemaah.

Bertadarus Al-Qur'an tersebut adalah antara kegiatan tahunan Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada warga hospital bagi sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat, di samping memperolehi ketenteraman dan ketenangan semasa melakukan ibadah puasa.

Majlis bertahlil sempena pengisytiharan penubuhan PPNBD

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan majlis khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien di Kubah Makam Diraja dan juga bersempena Ulang Tahun Penubuhan Pergerakan Pengakap di negara ini yang ke-81 tahun.

Majlis itu dihasratkan bagi memperingati segala sumbangan dan jasa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang banyak membantu Pergerakan Pengakap di negara ini.

Pergerakan Pengakap di negara ini bermula pada awal tahun 1933. Sekumpulan 12 orang pelajar dan guru di Sekolah Melayu Pekan Brunei, Jalan Pemancha yang dipelopori oleh Awang Marsal bin Maun (Allahyarham Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Haji Marsal bin Maun, bekas Menteri Besar Brunei), selaku guru dan Penolong Pemimpin Pengakap ketika itu. Sementara Awang Abang Zaidi bin Abang Taha, selaku Guru Besar sekolah dan Pemimpin Pasukan Pengakap yang baru ditubuhkan.

Tarikh 1 Julai dipilih sebagai pengisytiharan Hari Pengakap Brunei bersempena pada tarikh tersebut iaitu pada 1 Julai 1981, PPNBD telah diterima menjadi ahli penuh yang ke-117 di dalam Pergerakan Pengakap Sedunia ('World Organisation of Scout Movement - WOSM).

Pada 10 - 14 Ogos 1981, PPNBD telah menghantar perwakilan untuk menghadiri Persidangan Pengakap Sedunia Ke-28 (28th World Scout Conference) di Dhakar, Senegal juga telah menerima Sijil Tauliah sebagai Ahli Penuh Ke-117 dalam Pergerakan Pengakap Sedunia.

Bacaan Surah Al Faatihah memulakan majlis, diikuti bacaan Surah Yaa Siin, tahlil dan doa arwah beramai-ramai diketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keagamaan, Haji Othman bin Durani.

Turut hadir Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap Daerah, Pemimpin-pemimpin Pasukan Pengakap, Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap, ahli-ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana, Pengakap Laut dan Pengakap Udara.

Seterusnya pada sebelah petang telah diadakan satu majlis berbuka puasa bersama Yang Dipertua PPNBD, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-Pemimpin Pasukan



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) ketika mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Ulang Tahun Penubuhan Pergerakan Pengakap negara yang ke-81 tahun.

Pengakap dan ahli-ahli Pengakap dijalankan di Balai Ibadah PPNBD yang bertujuan bagi mengeratkan hubungan sesama ahli Pengakap di bulan yang mulia ini, di samping dapat menunaikan ibadah puasa dan Sembahyang Sunat Tarawih.

Misi PPNBD 'untuk menyumbang kepada pendidikan belia melalui sistem nilai berasaskan kepada Persetiaan Pengakap dan Undang-Undang Pengakap untuk membantu, membentuk, menjadikan serta mewujudkan dunia yang lebih baik, di mana manusia merasa puas sebagai individu dan boleh memainkan peranan yang konstruktif di dalam masyarakat'.

Sementara visi PPNBD adalah menjelang tahun 2023, dengan keramaian 5,000 orang, yang mana PPNBD akan menjadi sebuah pergerakan belia yang utama dalam menyediakan program-program yang mencabar dan membina kecemerlangan di kalangan muda remaja yang memainkan peranan penting dalam pembangunan bangsa.

Penglibatan dan kegiatan PPNBD bukan sahaja terbatas kepada dalam negara malah ia juga terlibat dalam pelbagai kegiatan serantau dan antarabangsa. PPNBD sentiasa mengikuti kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Biro Pengakap Sedunia (World Scout Bureau).

Pusat Pergerakan Pengakap Sedunia ialah di Kuala Lumpur, Malaysia bermula dari 18 Jun 2014. Sebelum ini, ia bertempat di Geneva, Switzerland. Persidangan Pengakap Sedunia yang diadakan tiga tahun sekali adalah merupakan forum bagi semua Pertubuhan Kebangsaan Pengakap Sedunia. Di sinilah semua aspek yang berhubung kait dengan kegiatan Pengakap Sedunia dibincang dan diluluskan sebagai garis pandu dan dasar-dasar yang akan dijalankan dan

diikuti oleh semua ahlinya.

Sejak dari tertubuhnya pada tahun 1933 hingga kini, PPNBD sebanyak sedikit telah membuat hubungan persahabatan yang erat dan kukuh dengan ahli-ahli Persekutuan Pengakap di 25 buah negara di rantau Asia Pasifik dan lebih 200 buah negara di peringkat antarabangsa melalui permesyuaratan, persidangan, forum, seminar, kursus dan bengkel, latihan, jambori dan perkhemahan serta kunjungan muhibah.

Pendidikan tidak formal yang diberikan oleh PPNBD melalui program-program latihan dan kegiatan Pengakap telah dapat menghasilkan warga belia yang sihat dan cergas sebagai aset negara masa depan telah berhasil. Ramai pemimpin-pemimpin negara yang lepas, masa kini dan akan datang adalah pernah sedikit sebanyak menyertai kegiatan Pergerakan Pengakap.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa merasmikan bangunan baru Ibu Pejabat PPNBD pada 3 Julai 2005 telah menyatakan 'PPNBD telah berjaya melahirkan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan berdisiplin'.

Peranan PPNBD dalam memberikan pendidikan dan peluang menimba pengetahuan dan pengalaman di luar bilik-bilik darjah sememangnya amat jelas dan sentiasa relevan dengan keadaan semasa.

Tingkatkan kebolehan pembacaan Al-Qur'an kalangan pelajar



SEBAHAGIAN dari pelajar Tahun 9 yang menuntut di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar ketika mengikuti Program Celik Al-Qur'an yang dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

TEMBURONG, Rabu, 2 Julai. - Seramai 54 orang pelajar Tahun 9 yang menuntut di Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar mengikuti Program Celik Al-Qur'an (tadarus Al-Qur'an di Bulan Ramadan) bagi tahun 1435H/2014M.

Program yang diadakan di bilik darjah masing-masing itu diusahakan oleh tenaga pengajar atau pembimbing terdiri dari tenaga pengajar mata pelajaran Pengetahuan

Ugama Islam dari Jabatan Pengajian Islam dan Jabatan Sekolah-Sekolah dan guru-guru ugama yang mengajar darjah pra, I,II dan III.

Selain untuk meningkatkan lagi kebolehan pembacaan Al-Qur'an di kalangan pelajar sekolah menengah Tahun 9, pelajar pra U, pelajar-pelajar / pelatih-pelatih Teknikal dan Vokasional itu program juga mempunyai objektif bagi menyemarakkan dan menghidupkan

Berita dan Foto : Hezlinawati
Haji Abd Karim

bulan Ramadanyang penuh keberkatan dengan membaca ayat-ayat suci Al-Qur'an sebagai budaya hidup seorang muslim.

Selain itu program yang diadakan di seluruh negara itu juga mempunyai objektif untuk memberi bimbingan kepada pelajar-pelajar yang kurang mahir dalam pembacaan Al-Qur'an serta menggalakkan pelajar-pelajar untuk mengkhataamkan bacaan Al-Qur'an terutamanya semasa bulan Ramadan.

Program dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan merupakan program sokongan ke arah meningkatkan penghayatan hidup beragama di kalangan pelajar-pelajar Islam di negara ini khususnya pelajar-pelajar sekolah Menengah, Teknikal dan Vokasional dalam usaha memantapkan lagi kefahaman dan kesempurnaan pelaksanaan fardu ain dan celik Al-Qur'an.

KHEU bertaradus di Masjid Labi

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



SETIAUSAHA Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof menyampaikan sumbangan wakaf berupa alat satu unit *vacuum cleaner* kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid Kampung Labi, Daerah Belait.

LABI, Selasa, 1 Julai. - Sudah menjadi tradisi di bulan Ramadan, seluruh masjid di Negara Brunei Darussalam

bersemarak dengan majlis-majlis keagamaan terutama tadarus Al-Qur'an.

Sehubungan itu, sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengunjungi Masjid Kampung Labi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof.

Juga hadir, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan KHEU serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar kampung tersebut.

Majlis merupakan sebagai salah satu syiar dan mengeratkan silaturahmi di kalangan pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan dengan jemaah masjid dan penduduk kampung serta sama-sama meningkatkan amal ibadat di bulan yang penuh rahmat ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat dan disusuli dengan



ROMBONGAN Tadarus Al-Qur'an Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena bulan Ramadan di Masjid Labi.

bertadarus Al-Qur'an.

Rombongan KHEU dan para jemaah mengadakan majlis bertahlil dan membaca doa arwah.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan wakaf berupa alat penyembur air dan satu unit *vacuum cleaner* serta

beberapa buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah kepada masjid berkenaan.

Rombongan berkenaan dijangka akan meneruskan majlis bertadarus di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kampung Bokok, Temburong pada 5 Julai ini.

Rebut peluang pahala dalam bulan Ramadan



KEGIATAN bertadarus Al-Qur'an diadakan sebaik selesai menunaikan Solat Sunat Tarawih dan Witir bagi menyemarakkan malam-malam di bulan Ramadan.

SERIA, 30 Jun, Isnin. - Bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, penduduk Pekan Seria telah mengadakan pelbagai kegiatan keagamaan antaranya beramai-ramai membersihkan tanah perkuburan dan mengadakan majlis pengagihan buah kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Lebih 50 ribu kotak kurma jenis 'Safawy' telah pun diserahkan kepada Jabatan Daerah Belait untuk diagih-agihkan kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Belait untuk diberikan kepada anak-anak buah mukim dan kampung yang beragama

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

Islam di daerah ini dan Pekan Seria.

Sementara itu, setelah Hilal Ramadan diumumkan, penduduk yang beragama Islam di pekan ini tidak melepaskan peluang mengunjungi masjid, surau dan balai-balai ibadah untuk menunaikan Solat Sunat Tarawih dan Witir sepanjang bulan Ramadan untuk menambah pahala.

Selesai menunaikan Solat Sunat Tarawih dan Witir para jemaah menyemarakkan malam dengan bertadarus Al-Qur'an.

Sementara itu, tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam tidak lekang dengan majlis-majlis bertahlil dan arwah bagi mengenang orang-orang tersayang yang terlebih dahulu menemui Ilahi, antara

yang menjadi Pusara Al-Naim bagi membersihkan tanah perkuburan itu.

Kerja berkebajikan ini telah melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan persatuan-persatuan serta syarikat-syarikat swasta bagi sama-sama mengaut pahala.

Aktiviti-aktiviti seumpama ini sememangnya digalakkan dalam Islam, apa yang diharapkan dengan kemunculan bulan Ramadan tahun ini akan lebih meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Semoga kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan akhirat, sesungguhnya Ramadan menguji keimanan maka rebutlah segala peluang yang ada di dalamnya.



PENGAGIHAN buah kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khusus untuk penduduk di Daerah Belait.

Program Jalinan Kasih Belia ke-4

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Bersempena dengan kehadiran bulan Ramadan Al-Mubarak tahun ini, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sekali lagi akan mengemukakan aktiviti kemasyarakatan yang dinamakan sebagai Program Jalinan Kasih Belia (JKB) Ke-4, 2014.

Program ini merupakan salah satu lagi usaha pihak JBS untuk mendedahkan para belia di negara ini supaya mempunyai rasa tanggungjawab dan kebersamaan sesama manusia melalui penglibatan mereka dengan kegiatan-kegiatan yang berkebakikan terhadap masyarakat yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama.

Program JKB yang julung kalinya diadakan ini telah berjaya mencapai matlamatnya iaitu mendekatkan para belia dengan masyarakat khususnya yang kurang berkemampuan dengan memberikan sumbangan dan khidmat bakti mereka seperti membuat kerja-kerja kemasyarakatan terhadap masyarakat yang memerlukan bantuan, selain membantu mengagih-agihkan barang sumbangan daripada orang ramai.

Sehubungan itu, pihak penganjur Program JKB Ke-4, 2014 sekali lagi mempelawa orang ramai yang berkeinginan dan berkesudian untuk memberikan sumbangan supaya akan dapat menghantar barang-barang sumbangan tersebut di Pusat Belia di keempat-empat daerah.

Tempoh penerimaan barang bantuan berkenaan bermula pada 2 hingga 14 Julai 2014 (waktu pejabat).

Sebarang pertanyaan mengenainya bolehlah menghubungi penyelar program ini di keempat-empat daerah melalui talian Pusat Belia Bandar Seri Begawan - 8720301; Pusat Belia Daerah Tutong - 4222963; Pusat Belia Daerah Belait - 3335057 dan Pusat Belia Daerah Temburong - 5221694.

Untuk makluman, pihak penganjur hanya akan menerima barangan sumbangan berbentuk makanan dan minuman khususnya untuk keperluan juadah berbuka puasa dan Hari Raya seperti beras, makanan dalam tin, makanan asasi, minuman dalam tin dan lain-lain.



JEMAAH perempuan Solat Sunat Tarawih dan Witir.



KEGIATAN berkebajikan yang diunkayahkan oleh Majlis Perundingan Kampung dan syarikat swasta iaitu membersihkan tanah perkuburan di Pusara Al-Naim di Anduki, Seria.

UNISSA anjur Majlis Bertadarus

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar tidak ketinggalan dalam sama-sama merayakan bulan suci ini dengan pelbagai aktiviti bercorak keagamaan antaranya Majlis Bertadarus dan Majlis Khatam Al-Qur'an.

Hadir merasmikan majlis pembukaan bertadarus pada tengah hari tadi di Surau UNISSA, Gadong di sini ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis bertadarus ini akan diadakan setiap hari di Surau UNISSA selepas Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah oleh para pegawai dan kakitangan UNISSA mengikut fakulti dan bahagian masing-masing.

Program bertadarus ini akan diakhiri dengan Majlis Khatam Al-Qur'an pada 19 Ramadan 1435 Hijriah yang akan datang.

Selain daripada itu, Majlis Khatam Al-Qur'an juga akan turut diadakan di kediaman para pegawai dan kakitangan UNISSA.

Majlis akan dimulakan pukul 4.30 petang yang mana para pelajar akan memulakan bacaan mereka dan akan diikuti dengan berbuka puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Pembacaan 30 juzuk Al-Qur'an ini akan dibahagi-bahagikan dalam kalangan peserta yang mana setiap peserta dijangka akan membaca satu atau dua juzuk Al-Qur'an.

Dalam aktiviti ini, para pelajar akan dibahagikan kepada beberapa buah kumpulan dan akan diaturkan untuk mengkhawatirkan Al-Qur'an di rumah-rumah yang ditentukan.

Kedai jahit penuhi citarasa pelanggan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



SEORANG pemilik kedai jahit tempatan, Chin-Yii Sdn. Bhd di Daerah Brunei dan Muara (DBM) ketika ditemui menyuarakan kesibukannya menyiapkan tempahan pelanggan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Julai. - Tukang jahit merupakan golongan yang paling sibuk apabila menjelang Ramadan dan Aidilfitri untuk menyediakan beratus-ratus pasang pakaian yang ditempah oleh pelanggan supaya dapat bergaya di pagi Syawal nanti. Walaupun ada sesetengahnya pakaian yang sudah siap dijual di pusat membeli-belah, namun kaum wanita tetap memilih tukang jahit demi mengikut cita rasa masing-masing. Wakil PELITA BRUNEI sempat membuat tinjauan di beberapa buah kedai jahit di sekitar Daerah Brunei dan Muara. Seorang pemilik Kedai Jahit, Chin-Yii Sdn. Bhd., ketika ditemui menjelaskan, beliau terpaksa menutup tempahan sejak bulan Mei lalu kerana tidak dapat memenuhi permintaan yang banyak terutama baju fesyen.

Chin ketika ditemui berkata, tempahan bermula dari bulan Januari hingga Mei lalu di mana sebanyak 2,000 lebih tempahan telah dibuat lebih awal untuk mengelakkan kelambatan dan menepati jadual ianya disiapkan. “Setakat ini pelanggan-pelanggan menempah baju lebih daripada sepasang kerana ada setengah baju direka khas oleh saya sendiri dan ada setengahnya mengikut cita rasa pelanggan,” jelasnya. Kebanyakan pelanggan, tambahnya, menggunakan kain sutera dengan harga yang mahal dan oleh sebab itu beliau terpaksa melakukan secara terperinci kerana ditakuti kain pelanggan akan rosak. Menurutny cabaran memenuhi tempahan sepanjang Ramadan ini banyak yang perlu diawasi dan ianya berbeza sekali dari hari-hari lain kerana ada sesetengah pekerja yang beragama Islam. “Harapan saya dengan adanya tempahan yang hampir separuh siap



SUASANA kesibukan menyiapkan tempahan pelanggan di kedai jahit milik Chin-Yii di DBM.

sebelum raya saya tetap akan berusaha dan bekerja keras untuk menjaga hati pelanggan terutamanya pelanggan tetap dan juga ada setengahnya pelanggannya tidak mengambil baju yang sudah siap maka kedainya akan menanggung kerugian yang begitu banyak, diharap agar pelanggan-

pelanggan akan mengambil mengikut perjanjian,” jelasnya dengan penuh harapan. Berbanding dengan tahun lepas, ujanya, tempahan pada tahun ini lebih banyak sehingga terpaksa mengupah pekerja tambahan agar tempahan dapat disiapkan lebih awal.

Meraih keuntungan di bulan Ramadan

Oleh: Aryentty Hj Ariffin
Foto : Hernie Suliana Hj Othman

TUTONG, Selasa, 1 Julai. - Ramai yang melihat peluang berniaga pada bulan Ramadan dari segi jualan juadah berbuka puasa dan kuih-muih Raya, yang memang memerlukan kepakaran untuk menarik pelanggan. Satu lagi perniagaan yang sememangnya memerlukan kemahiran dan mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan pelanggan khususnya menjelang Ramadan ialah tukang jahit Baju Melayu, baju kurung dan fesyen mengikut aliran trend masa kini. Dalam tinjauan PELITA BRUNEI ke beberapa buah kedai jahit di kawasan Pekan Tutong telah sempat

menemubual dua orang tukang jahit yang menerima tempahan pakaian cara melayu, pakaian wanita dan juga kanak-kanak. Bagi Susana Garcia , warga Filipina, pekerja dari Syarikat Meriam Hamid dan Anak-anak, terletak di Bangunan Irama Aman, Kampung Petani Tutong, menjelaskan tempahan pada bulan awal Ramadan ketika ini tidak sebanyak tahun lepas kerana sesetengah pelanggan akan menghantar tempahan pada 'waktu kecemasan' iaitu pada awal atau pertengahan bulan Ramadan. Beliau yang mula bekerja sebagai tukang jahit pakaian wanita dan

kanak-kanak pada tahun 2011 ini berkata kedai mereka masih menerima tempahan ketika ini dan akan menutup tempahan sekiranya tidak mampu menampung tempahan lebih daripada jumlah yang dihadkan. “Fesyen baju 'Peplum' dan kurung mini daripada material sifon, dan dress panjang yang pastinya setiap helaian turut ditampal lace adalah antara gaya terkini pilihan wanita dan kanak-kanak untuk Aidilfitri nanti” ujanya. Kedai jahit tersebut memulakan perniagaan dari jam 6 pagi sehingga 12 malam dan masih membukakan perniagaan di hari pertama Aidilfitri. “Kebanyakan pelanggan rata-rata berpuashati dengan jahitan baju yang mereka tempah. Harga upah baju kurung biasa ialah BND15 sehelai, upah jahitan kurung mini dan peplum



SUSANA Garcia dari Syarikat Meriam Hamid dan Anak-Anak semasa melayan pelanggan yang datang untuk menempah baju Hari Raya.

atau baju berfesyen sekitar BND35 dan paling tinggi berharga BND80 tertakluk kepada fesyen dan bahan material yang digunakan, dibantu oleh seorang pekerja Filipina juga,” jelasnya. Sementara itu, seorang tukang jahit baju Melayu dan juga wanita, Awang Mohd. Salam, pekerja warga India dari Syarikat Muhammad Zaim Jaya, terletak di kawasan Pekan Tutong berkata, sambutan tempahan baju untuk Aidilfitri pada tahun ini mendapat sambutan yang sama seperti

pada tahun-tahun yang lepas. Beliau yang turut dibantu oleh tiga orang pekerja itu menjelaskan ketika ini kedai mereka sudahpun menutup tempahan untuk Aidilfitri. Menurutnya para pelanggan telah mula menghantar tempahan pada bulan Mei lepas. Beliau yang sudah 10 tahun bekerja menjahit baju ini menjelaskan kedai jahit ini memulakan perniagaan jam 8.30 pagi hingga 12.00 malam dalam bulan Ramadan.

Sibuk siapkan tempahan baju raya

Berita dan Foto :
Noraisah Muhammed

PEKAN SERIA, Ahad, 1 Julai. - Tukang jahit adalah antara yang paling sibuk apabila menjelang Aidilfitri kerana menyiapkan beratus-ratus pasang pakaian yang ditempah supaya pelanggan dapat bergaya di Hari Raya. Walaupun pakaian siap jahit banyak dijual di pasaran tetapi pakaian raya yang ditempah daripada tukang jahit tetap menjadi pilihan kebanyakan umat Islam di negara ini kerana ia memenuhi citarasa, lebih selesa dan kelihatan eksklusif lagi berkualiti. Tinjauan di beberapa buah kedai jahit sekitar Pekan Setia mendapati sejak sebelum tibanya bulan Ramadan mereka sudah menutup tempahan, jika pun tempahan diterima ianya hanya akan dapat disiapkan seminggu selepas Hari Raya, oleh itu ada sesetengah pelangan sudah menempah pakaian Hari Raya satu atau dua bulan sebelum Ramadan kerana bimbang tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Tukang jahit pakaian wanita, Dayang Sufinah binti Sukidi, 40 tahun, menjahit baju kurung, jubah dan sebagainya memberitahu wakil PELITA BRUNEI, tempahan di kedainya sudah tidak menerima tempahan sejak sebulan lalu kerana tidak dapat memenuhi permintaan yang tinggi untuk menjahit baju raya. Dayang Sufinah bekerja selama enam tahun sebagai tukang jahit berasal dari Indonesia berkata, setiap tahun keadaan seperti ini terjadi malah masih ramai yang datang walaupun tempahan sudah ditutup. “Biarpun ada yang merayu-rayu

agar menerima tempahan mereka tetapi kami tidak dapat berbuat apa-apa kerana jika diambil bimbang lambat siap, kami ambil setakat yang termampu disiapkan sahaja sebab kalau pakaian tidak siap pelanggan juga akan marah,” katanya. Berbanding tahun lepas, jelas Sufinah, tempahan tahun ini agak berkurangan. Sementara itu, Asfak Ali, 38 tahun, tukang jahit di Syarikat A.R. Shar Lee Enterprise pula berkata, tahun ini dia menerima hampir 70 pasang tempahan baju raya dan tempahan tahun ini juga agak berkurangan berbanding tahun lepas namun beliau tetap mengambil lebih masa untuk menyiapkan semua tempahan dan menambah masa bekerja sehingga pukul 11 malam. Beliau juga tidak mengambil tempahan kecuali daripada pelanggan-pelanggan tetap, kedainya mula membuka tempahan baju raya sejak bulan Mei lalu dan tempahan rancak datang pada akhir bulan lepas. Manakala itu, Dayang Siti Aminah, 44 tahun, bekerja sebagai tukang jahit selama sembilan tahun di Perusahaan FIBA-IDA berkata, sepanjang musim Ramadan ini rutin hariannya tidak berubah dengan menjahit tempahan hingga ke pukul 8 malam. Katanya, kerja lebih masa memang tidak dapat dielakkan setiap kali bulan Ramadan kerana tempahan akan meningkat berbanding hari biasa dan mereka juga tidak lagi menerima tempahan demi menepati masa. Ujarnya, untuk memastikan pelangan berpuas hati, tempahan dijahit dengan sempurna mengikut fesyen yang dipesan, tukang jahit pakaian perlu memastikan segala tempahan yang diterima, disiapkan



DAYANG Siti Aminah, 44, bekerja sebagai tukang jahit selama sembilan tahun di Perusahaan FIBA-IDA.

sebelum tiba Syawal. Sementara itu, tukang jahit pakaian wanita di Asmin Enterprise, Leonora Ramos Gutierrez, 50 tahun, berasal dari Filipina memberitahu, beliau bekerja seperti biasa dari pukul 9 pagi hingga pukul 9 malam menjahit pakaian, juga tidak menerima sebarang tempahan lagi. Manakala rakan sekerjanya Dil Mohammad, 54, berasal dari India yang sudah 25 tahun bekerja dengan ceria mengongsikan pengalaman beliau sebagai tukang jahit baju Melayu. Sejak mula bekerja katanya, beliau menemukan berbagai ragam pelanggan dan sudah biasa dengan keramahan dan kemarahan pelanggan.

Kerja keras siapkan tempahan baju

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim



DAYANG Martiah binti Mat Umar bekerja keras berusaha untuk menyiapkan tempahan baju raya para pelanggannya.

tahun ini sama juga seperti tahun-tahun sebelumnya. Untuk memastikan tempahan-tempahannya dapat disiapkan seperti yang dimahukan para pelanggannya, beliau dan seorang lagi rakannya terpaksa bermalam di kedai jahit untuk menyiapkan tempahan sejak dua malam yang lalu.



MENZIARAHI dan membersihkan tanah perkuburan merupakan satu tradisi umat Islam di Negara Brunei Darussalam sejak sekian lama bagi mengingati mereka yang telah pergi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Jun. - Bulan Ramadan adalah bulan yang penuh rahmat dan penuh dengan keistimewaan.

Ganjaran yang terdapat dalam bulan Ramadan sangat

besar, oleh kerana itu umat Islam amat gembira dengan kehadirannya dan berasa penuh syukur, keinsafan, keimanan dan ketakwaan.

Dalam bulan Ramadan yang suci ini, kaum Muslimin dan

Muslimah mengambil kesempatan untuk menziarahi tanah perkuburan arwah keluarga ataupun sahabat-sahabat mereka yang telah kembali ke rahmatullah.

Ramai ahli keluarga

Ziarah kubur mengingatkan kepada kematian

Oleh : Aimi Sani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

berkumpul untuk bertahlil seterusnya membaca Surah Yaa Siin khas disedekahkan buat mereka yang telah pergi, selain mengambil kesempatan membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam.

Awang Haji Rosman bin Haji Metussin, 55 tahun, bekas seorang Pegawai Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama ketika ditemui oleh wakil **PELITA BRUNEI** berkata, menziarahi dan membersihkan kubur pada bulan ini merupakan satu tradisi umat Islam di negara ini bagi mengingati mereka yang telah pergi sejak dulu lagi.

Menurutnya, aktiviti ini berunsurkan kebajikan yang bermanfaat bagi memberi kesedaran kepada semua pihak khususnya umat Islam, di samping menjadikan tanah perkuburan sebagai tempat yang sering dikunjungi, selain dapat menjalinkan ikatan silaturahmi dalam kalangan ahli-ahli keluarga yang hadir.

Perkara yang sama juga turut diakui oleh Dayang Hajah Rokiah binti Haji Saidin, 54, dari Kampung Bengkurong.

“Di bulan ini, banyak agensi-agensi kerajaan dan swasta mengambil kesempatan ini untuk menghulurkan

sumbangan tenaga bagi aktiviti amal membersihkan tanah-tanah perkuburan di negara kita ini. Selain itu, ada juga pihak sekolah yang mengambil langkah inisiatif untuk mendedahkan pelajar-pelajar mereka akan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dalam membersihkan tanah perkuburan orang-orang Islam,” jelasnya.

Bulan Ramadan merupakan bulan agung bagi umat Islam, bulan keampunan, rahmat, kebajikan dan keberkatan.

Di antara kelebihan dan keistimewaan bulan Ramadan itu ialah Allah Subhanahu Wata'ala telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an pada bulan tersebut yang menjadi panduan dan petunjuk bagi manusia.

Ziarah kubur amalan mulia



KERJA gotong-royong membersihkan tanah perkuburan dan menziarahi pusara keluarga yang telah kembali ke rahmatullah merupakan amalan mulia yang akan sentiasa mengingati kepada kematian.

TUTONG, Isnin, 30 Jun. - Umat Islam di negara ini pada lazimnya sering melakukan amalan menziarahi tanah perkuburan orang Islam, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini.

Pada hakikatnya, ziarah kubur tidak tertumpu pada bulan Ramadan atau bulan Syawal sahaja tetapi juga digalakkan menziarahi pada bila-bila masa terutama pada hari Jumaat.

Amalan mulia itu sememangnya digalakkan seperti mana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: “Sesiapa yang menziarahi kubur ibu bapanya atau salah seorang daripadanya pada hari Jumaat, diampunkan baginya

dan dia dicatat sebagai anak yang berbakti terhadap orang tuanya,” Riwayat Hakim dari Abu Hurairah Radiallahuanhu.

Dalam pada itu, wakil **PELITA BRUNEI** menemu bual Ketua Imam Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof.

“Alhamdulillah kebiasaannya di Negara Brunei Darussalam apabila kedatangan bulan Ramadan ramai orang Islam akan berkunjung ke pusara orang Islam, terutama menziarahi ahli-ahli keluarga yang telah kembali ke rahmatullah,” jelasnya.

Beliau menambah, kebiasaannya mereka akan membawa keluarga dan sanak saudara untuk sama-sama

menziarahi, bergotong-royong membersihkan pusara dan seterusnya membaca Surah Yaa Siin dan bertahlil.

“Ada juga keluarga akan memanggil orang-orang yang berkebolehan untuk mengepalai membaca Surah Yaa Siin terutama imam dan ustaz serta guru-guru agama,” ujarnya.

Amalan seperti ini, terangnya, adalah amat baik untuk diamalkan kerana menziarahi pusara orang-orang yang telah kembali ke rahmatullah ini akan mengingati kita akan kematian.

Sesungguhnya mengingati mati ini juga, tambahnya, akan meningkatkan iman dan takut kepada Allah

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim,
Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan dengan itu juga, jelasnya, Tanah Perkuburan Islam Sukan yang berdekatan dengan Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, sebelum kedatangan bulan Ramadan telah didatangi oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan bagi melakukan kerja gotong-royong membersihkan tapak perkuburan tersebut bagi memudahkan ahli keluarga menziarahi pusara keluarga mereka yang telah kembali ke rahmatullah.

Dalam pada itu beberapa adab juga perlu dijaga ketika ziarah kubur.

Memelihara hak dan kehormatan kubur serta ahli kubur merupakan tanggungjawab setiap Muslim, jadi setiap individu Muslim mempunyai hak dan peranan untuk mengingati saudara Muslimnya yang lain bagi melaksanakan tanggungjawab ini.

Mudah-mudahan dengan menghidupkan amalan ‘amar ma’aruf nahi munkar’ sebegini perpaduan dan ukhuwah



KETUA Imam Masjid Hassanah Bolkiah Pekan Tutong, Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof ketika ditemui menerangkan mengenai amalan menziarahi tanah perkuburan orang Islam.

semakin terjalin serta syariat Islam akan semakin berkembang dan kukuh dari sudut ilmu dan amali.

Memelihara hak, hormati tanah perkuburan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 30 Jun. - Ketibaan bulan Ramadan yang penuh rahmat ini memberi peluang kepada umat Islam untuk melipatgandakan pahala dengan melakukan amalan-amalan yang dituntut oleh syara’.

Antara amalan tersebut ialah melakukan kegiatan keagamaan atau berkebajikan di tanah perkuburan seperti ziarah kubur dengan mengadakan bacaan tahlil dan doa arwah dan seterusnya membersihkan tanah perkuburan.

Menjaga kebersihan seluruh kawasan tanah perkuburan dan tidak mengotorkannya dengan apa pun cara merupakan sebahagian daripada adab dan tatacara memelihara hak dan kehormatan kubur serta ahli kubur.

Adalah akhlak yang terpuji jika setiap penziarah kubur itu sama-sama menjalankan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim dengan saling bantu membantu dalam membersihkan dan membuang sampah sarap dan benda-benda buangan yang mengotori kawasan tanah perkuburan tidak kira sama ada kubur itu adalah kubur ahli keluarga mahupun kubur mereka yang tidak ada talian persaudaraan dengan mereka.

Amalan membersihkan tanah perkuburan secara bergotong-royong itu juga merupakan salah satu kerja amal menanamkan sikap tolong-menolong ke arah kebaikan dan merupakan amalan mulia.

Penyampaian tanda pangkat dua Pegawai Balai



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui Memorandum Bilangan (10) SPA/KP/BMM/142/13 yang bertarikh 17 Jun 2014 telah membenarkan dua orang Timbalan Pegawai Balai untuk dinaikkan pangkat ke Pegawai Balai.

Kedua-dua orang Timbalan Pegawai Balai tersebut, Timbalan Pegawai Balai, Ajak bin Haji Jais dan Timbalan Pegawai Balai, Murni bin Haji Misir. Sehubungan itu, satu Majlis

PENYAMPAIAN tanda pangkat disempurnakan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Penyampaian Tanda Pangkat diadakan pagi ini, bertempat di Dewan Serbaguna Bomba, Lapangan Terbang Lama, Berakas, di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian tanda pangkat tersebut kepada dua Pegawai Balai yang baru dinaikkan pangkat ialah Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Sejak ditubuhkan pada 9 Mac 1960, JBP telah berkembang dari pelbagai aspek dan akan terus memberikan khidmat menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang ramai termasuklah harta mereka dan harta awam.

Selama tempoh tersebut, perkhidmatan kebombaan terus maju dan sentiasa mengharungi pelbagai bentuk cabaran, namun jabatan berkenaan akan sentiasa memeduli dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan serta kebijakan orang ramai di negara ini.

Gerai Ramadan tambah pendapatan PKS

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Jun. - Bulan Ramadan yang diliputi dengan berbagai kelebihan dan keberkatan datang lagi selepas meninggalkan setahun yang lalu.

Kelebihan yang terdapat di dalamnya bukan saja untuk bekal di akhirat iaitu dengan melakukan berbagai amalan tetapi juga memberi kesempatan kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di negara ini untuk menambah sedikit kelebihan pendapatan.

Gerai-gerai Ramadan umpamanya sering kali dikaitkan apabila datangnya bulan Ramadan yang tumbuh

bagaikan cendawan selepas hujan.

Gerai-gerai Ramadan yang didirikan oleh berbagai pihak sama ada oleh sektor kerajaan, swasta atau persendirian di negara ini adalah semata-mata untuk memberikan kemudahan kepada pengunjungnya terutama sekali umat Islam yang sebagai juadah untuk berbuka puasa.

Salah sebuah gerai Ramadan yang sering menjadi tumpuan para pengunjung setiap tahun ialah gerai Ramadan berhadapan dengan Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja, di ibu negara.

“Memandangkan hari ini

merupakan hari pertama umat Islam berpuasa di negara ini kunjungan pelanggan ke gerai Ramadan di sini amat menggalakkan,” ujar Dayang Hajah Rokiah binti Haji Md. Noor.

Beliau sudah mempunyai banyak pengalaman dalam melakukan aktiviti berniaga walau bagaimanapun terpaksa akur dengan kos barangan mentah yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Salah seorang jurujual berasal dari Indonesia, Diding Sumardi berkata, kunjungan orang ramai ke gerai Ramadan tahun ini menggalakkan namun jualannya sedikit perlahan.

Sementara itu, seorang pengunjung, Dayang Hajah Vivi Nirhafizah binti



DAYANG Hajah Rokiah binti Haji Md Noor ... Memandangkan hari ini merupakan hari pertama umat Islam berpuasa di negara ini kunjungan pelanggan ke Gerai Ramadan di sini amat menggalakkan.



DIDING Sumardi ... Kunjungan orang ramai ke Gerai Ramadan tahun ini menggalakkan namun jualannya sedikit perlahan.



DAYANG Hajah Vivi Norhafizah binti Haji Mohammad ... Mengucapkan terima kasih kepada pihak yang telah menganjurkan Gerai Ramadan itu kerana memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membeli berbagai jenis juadah makanan.

Pembinaan tambak di PMB, pengguna diingatkan berhati-hati

MUARA, Rabu, 2 Julai. - Pengguna perairan Muara khasnya di kawasan berhampiran Pulau Muara Besar (PMB) diingatkan supaya lebih berhati-hati dengan pembinaan tambak sehingga 31 Disember ini.

Permakluman segera ini dibuat oleh kontraktor LSL & WEC bagi Hengyi Industries Sendirian Berhad yang akan membina tambak di sepanjang Selat Timur Pulau Muara Besar.

Oleh itu, sempadan sepanjang pinggir kawasan tambak akan ditandakan dengan boya kuning berkelip kilauan untuk navigasi

keselamatan pada waktu siang dan malam.

Menurut Notis Makluman Hengyi Industries Sendirian Berhad semua kapal-kapal dan bot-bot yang beroperasi di sekitar perairan Selat Timur Pulau Muara Besar adalah dinasihatkan supaya menjauhi kawasan pembinaan tersebut pada setiap masa sepanjang tempoh pembinaan tambak tersebut.

Sebarang maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti pembinaan tambak bolehlah menghubungi Hengyi Industries Sendirian Berhad di talian 2610210.



TANDA anak panah kuning merupakan kawasan pembinaan tambak berdekatan Pulau Muara Besar.

Mohammad mengucapkan, terima kasih kepada pihak yang telah menganjurkan gerai Ramadan itu kerana memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membeli berbagai jenis juadah makanan.

Namun begitu, beliau mengingatkan kepada penjual makanan supaya sentiasa menjaga kebersihan selain memastikan sumber-sumber

makanan yang di jual adalah halal.

“Satu hal juga yang perlu diingatkan kepada pembeli dan penjual ialah sentiasa mementingkan kebersihan dan memakan makanan yang sihat,” jelasnya.

Gerai Ramadan berhadapan Bangunan Alat-alat Kebesaran ini bukan hanya menyediakan petak-petak jualan barangan

makanan tetapi juga keperluan-keperluan yang lain.

Menurut salah seorang peserta jualan, Dayang Hajah Masnah binti Haji Md. Yusof berkata, gerai tersebut akan berlangsung selama sebulan terutamanya bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan datang yang menjanjikan harga-harga promosi yang lebih murah.

Miliki fikiran positif jadi cemerlang

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



TIMBALAN Pendakwa Raya, Mahkamah Besar Brunei, Dayang Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman ketika menyampaikan ceramah pada Sesi Motivasi bagi Sekolah Menengah Rimba (SMR).

RIMBA, Rabu, 2 Julai. - Memiliki fikiran yang positif dan merasa tidak pernah putus

asa mesti terpacat dalam diri seseorang itu jika ia ingin menjadi seorang yang cemerlang di dalam kehidupan.

Sekalipun menghadapi sekali kegagalan tidak bermaksud gagal untuk selama-lamanya tetapi mestilah terus berusaha dan memajukan diri untuk meraih kejayaan yang diimpikan.

Perkara itu disentuh oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mahkamah Besar Brunei, Dayang Hajah Rozaimah binti Haji Abd. Rahman pada Sesi Motivasi yang diadakan di Sekolah Menengah Rimba (SMR).

“Untuk menjadi insan yang

berguna,” jelasnya, jangan sesekali melakukan apa jua perkara yang berkaitan dengan jenayah dan menyalahi undang-undang kerana itu hanya menjadikan seseorang itu sebagai seorang yang buruk di mata masyarakat.

Menurutnya, kunci kejayaan adalah melalui usaha yang gigih dan jitu kerana untuk mengecapi kejayaan itu bukanlah mudah.

Sesi motivasi bagi para pelajar Tahun 9 dan Tahun 10 itu diharap akan dapat merangsang mereka dalam membentuk diri masing-masing menjadi seorang insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Gerai Ramadan *bonus* bagi peniaga



DAYANG Liza binti Sulaiman telah lebih 10 tahun berjaja pelbagai jenis ikan dan ayam salai atau panggang.



BANGSA asing turut tertarik untuk membeli beraneka jenis makanan tempatan yang dijual di Gerai Ramadan Tudung Saji, Kuala Belait.

Rencana dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarali

KEDATANGAN bulan Ramadan setiap tahun bukan sahaja memberikan kesempatan kepada umat Islam untuk mengaut pahala yang berlipat ganda tetapi juga merupakan *bonus* kepada peniaga untuk meraih keuntungan berganda.

Di seluruh negara terdapat ramai peniaga yang menjalankan perniagaan khusus menjual pesungkaian (juadah berbuka puasa) dari beraneka kuih-muih, lauk-pauk membawa kepada pelbagai jenis minuman dan makanan ringan.

Di Daerah Belait, orang ramai

berpeluang mendapatkan pesungkaian di gerai Ramadan yang ditempatkan di kawasan Gerai Tudung Saji, di sini.

Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria telah mendirikan beberapa buah khemah untuk peniaga kecil dan sederhana berjaja.

Pada tahun ini, jabatan berkenaan telah menyediakan sebanyak 180 petak gerai termasuk 148 gerai kuih-muih dan makanan siap sedia, 27 petak gerai bahagian salaian atau panggang, 24 gerai bunga hidup dan satu petak gerai runcit.

Temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI, Dayang Liza binti Sulaiman telah lebih 10 tahun membantu ayahnya berjaja beraneka jenis salaian seperti ikan, sayap ayam, tongkeng ayam menyatakan, suasana berjaja

pada zaman dahulu dan sekarang agak berbeza dan banyak saingan.

“Jika dahulu tidak ramai orang berjaja tetapi sekarang ramai orang telah berjaja makanan yang sama,” ucapnya.

Walau bagaimanapun persaingan tersebut tidak pernah melunturkan semangat beliau untuk meneruskan perniagaan malah menganggap persaingan yang ada merupakan persaingan yang sihat.

Beliau yang telah mengambil alih tugas ayahnya yang telah meninggal dunia lebih dua tahun lalu bersyukur setiap hari hasil jualan beliau yang dibantu oleh adik lelakinya laris dan mendapat keuntungan.

“Kira-kira lebih BND300 ke atas, saya peruntukkan setiap hari untuk modal berjaja seperti membeli sayap ayam 30 kilo, ikan mentah 15 kilo dan tongkeng ayam 20 kilo serta menu baru iaitu ayam turkey salai telah mendapat tempat dihati pembeli-pembeli, paling laris,” jelasnya.

Sementara itu, Pengiran Haji Hassan bin Pengiran Puteh yang telah berkecimpung dalam berjaja di bulan Ramadan sejak tahun 1989 menyatakan semasa berjaja dalam tahun 80-an, beliau hanya menggunakan satu petak untuk berjaja tetapi pada masa ini beliau menggunakan dua petak untuk menempatkan berbagai-bagai jenis makanan dan minuman yang semakin bertambah.

“Setiap tahun, makanan yang saya jual berbeza dan tidak sama setiap tahun. Pada tahun ini selain menjual soto, beraneka jenis nasi bungkus, mee, beraneka minuman dan menambah menu baru iaitu *takoyaki* sejenis makanan jepun yang sangat digemari oleh pembeli-pembeli,” katanya yang dibantu oleh isteri dan anak-anak serta menantunya.

Salah seorang belia, Dayang Nur Amalina binti Yusof serta dua orang adik-beradiknya baru pertama kali berjaja di gerai Ramadan tahun ini tidak merasa malu dan kekok berjaja nasi bungkus dan burger kerana beliau sering membantu ibunya berniaga biskut raya anjuran Persatuan Pertiwi di Dewan Pejabat Daerah Seria.

Selalunya pada hari pertama gerai dibuka, orang ramai sanggup bersesak-sesak mengunjungi gerai Ramadan, ini bukan kerana tak pandai masak sendiri tetapi untuk merasa juadah berbeza. Bagi mereka yang suka makan, sanggup pergi ke luar daerah atau tempat lain untuk mencari gerai Ramadan.

Selain di Gerai Tudung Saji, ada juga yang berjaja pesungkaian di tempat-tempat lain seperti di kawasan perumahan, perkampungan dan gedung perniagaan. Bagi peniaga menganggap ketibaan Ramadan sebagai bulan durian runtuh bagi mereka yang mencari sumber rezeki dengan berniaga untuk menambah hasil pendapatan mereka yang kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berniaga secara sembilan.

Pembeli yang berkunjung ke gerai Ramadan bukan saja kalangan umat Islam malahan pelbagai bangsa yang gemar menikmati berbagai-bagai jenis makanan seperti kuih-muih dan lauk-pauk yang sebilangan makanan yang dijual itu sukar ditemui pada hari biasa antaranya putu bambu, bubur lambuk serta pelbagai jenis minuman.

Di sebalik mencari rezeki di bulan yang mulia ini, peniaga jangan sampai mengabaikan kebersihan dengan membuang sampah sembarangan di kawasan berniaga. Elok bagi mereka mengekalkan tahap kebersihan yang tinggi secara keseluruhan baik dari segi makanan yang dijual mahupun pakaian dan kebersihan diri peniaga serta kebersihan kawasan berniaga perlu dititikberatkan.

Dengan adanya komitmen yang berterusan dan mahu bertanggungjawab, peniaga bukan sahaja akan dapat menambahkan rezeki, tetapi juga dapat mengekalkan alam sekitar yang bersih. Pihak kerajaan telah bermurah hati menyediakan kemudahan tempat berjaja dengan kadar sewa yang murah dan tidak membebankan peniaga.

Sementara itu, pihak pembeli pula harus pandai mengurus kewangan mereka, merancang apa yang perlu hendak dibeli serta mengawal hawa nafsu jangan sampai berlaku pembaziran kerana perbuatan membazir itu dianggap kawan syaitan.



PENGIRAN Haji Hassan bin Pengiran Puteh memerhatikan anaknya berjual menu baru sejenis makanan jepun *takoyaki*.



DAYANG Nur Amalina binti Yusof serta dua orang adik-beradiknya pertama kali berjaja di gerai Ramadan sibuk menyiapkan makanan segera iaitu burger.

**PEMBELI yang
berkunjung
ke gerai
Ramadan bukan
saja kalangan
umat Islam
malahan pelbagai
bangsa yang gemar
menikmati
berbagai-bagai jenis
makanan seperti
kuih-muih dan
lauk-pauk yang
sebilangan
makanan yang
dijual itu sukar
ditemui pada hari
biasa antaranya
putu bambu,
bubur lambuk
serta
pelbagai jenis
minuman.**

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita sudah pun berada hampir seminggu di dalam Ramadan Al-Mubarak. Ini bermakna sudah hampir seminggu juga umat Islam di seluruh dunia menunaikan ibadat puasa. Sesungguhnya puasa adalah ibadat yang difardhukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada semua umat Islam seperti mana yang dijelaskan di dalam surah Al-Baqarah ayat 183:

Tafsirnya: “Wahai orang-orang yang beriman diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertaqwa.”

Sesungguhnya ibadah puasa mempunyai hikmah dan rahsia yang tersendiri antaranya ialah:

Pertama : Melatih diri menjadi hamba yang bersyukur. ini kerana semasa berbuka puasa perasaan syukur pasti akan terbit di dalam jiwa umat Islam yang telah berjaya mengharungi puasa siang hari dan juga ketika menikmati rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu berupa juadah berbuka.

Kedua : Melatih diri menjadi hamba yang sabar. Dengan berpuasa setentunya akan melatih diri kita menjadi orang yang sabar. Ini kerana dugaan ketika menjalani ibadah puasa itu terlalu banyak. Sebagai contoh kita berjaya bersabar untuk menahan diri kita dari makan dan minum di siang hari di bulan Ramadan. Mungkin ada sebaliknya orang yang merasa dirinya tidak kuat atau tidak tahan untuk berpuasa sehingga timbul perasaan makan dan minum di siang hari ketika di bulan Ramadan, tetapi kerana taqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala lah yang menjadikan seseorang itu berjaya dan mampu bersabar menunggu sehingga waktu berbuka. Inilah kehebatan puasa di mana puasa itu dapat membentuk hati manusia untuk menjadi orang yang lebih sabar.

Ketiga : Melatih diri untuk menjadi hamba yang taat beribadat. ini kerana bulan Ramadan adalah bulan di mana umat Islam lebih menumpukan perhatian mereka kepada mengerjakan ibadat-ibadat berbanding urusan-urusan lain. Dalam bulan inilah umat Islam akan lebih istiqamah berjemaah di masjid, membaca Al-Qur'an, beristiqaf, qiamullail dan lain-lain lagi. Setentunya ibadat yang kita lakukan di dalam bulan ini akan menjadi pendorong kepada kita untuk melakukan ibadat yang sama di bulan-bulan yang lain.

Justeru, bulan Ramadan ini adalah kesempatan yang terbaik bagi kita untuk memperbanyakkan diri dari sudut ibadat dan takkarub kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, seperti mengerjakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang. Adalah menjadi kerugian jika sekiranya di bulan ini kita hanva sekadar berpuasa

Tingkatkan amalan dibulan Ramadan



di siang hari, tetapi kita melepaskan peluang untuk memperbanyakkan diri, meningkatkan amalan, membiasakan diri dengan sedekah dan sebagainya.

Sesungguhnya bulan Ramadan ini, adalah bulan istimewa kerana pada bulan ini dibukakan pintu-pintu syurga, ditutupkan pintu-pintu neraka dan syaitan dibelenggu. Seperti mana yang disebutkan di dalam sebuah hadis.

Maksudnya: “Dari *Abi Hurairah Radiallahuanha* berkata: telah bersabda *Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam*: ketika bulan *Ramadan* tiba, maka semua pintu syurga dibuka, kesemua pintu neraka ditutup, semua syaitan akan dibelenggu.”

Justeru, sebagai hamba Allah yang sering melakukan kesilapan dan kealpaan, kita janganlah melepaskan peluang di bulan yang mulia ini untuk mengaut seberapa banyak rahmat Allah, berusaha memohon pengampunan dari

Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan, dan berusaha meminta kepada Allah supaya dijauhkan kita dari azab api neraka.

Karena itulah dikesempatan berada dalam bulan Ramadan ini, kita istiqamahlah diri kita dalam beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita hanya menjadikan minggu-minggu awal Ramadan ini untuk beribadat, seperti solat berjemaah di masjid, solat tarawih dan witr, membaca Al-Qur'an dan lain-lain, dan akan mulai berkurangan lebih-lebih lagi di minggu-minggu akhir bulan Ramadan.

Suasana seperti inilah yang perlu kita ubah kerana Ramadan yang datang ini hanya datang sekali dalam setahun, lebih-lebih lagi kita dianjurkan untuk memperbanyakkan amal ibadat terutamanya disepuluh hari terakhir di bulan Ramadan, kerana pada ketika itulah akan berlaku lailatul qadar iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Sebagaimana yang disebutkan di dalam hadis:

Maksudnya: “Dari Aisyah Radiallahuanha, bahwa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: carilah lailatul qadar pada sepuluh hari terakhir di bulan Ramadan.”

Di dalam bulan Ramadan ini, marilah kita

melazimkan diri kita dengan memperbanyakkan membaca Al-Qur'an, bersedekah, berzikir dan sebagainya. Apa yang penting, kita hendaklah menanamkan perasaan ikhlas semata-matanya untuk meraih redha Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan keikhlasan kita melakukan ibadah dan amal kebajikan itu akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya marilah kita berusaha mempertingkatkan amalan kita di sepanjang bulan Ramadan ini, dan berazam agar amalan yang kita kerjakan di bulan ini akan berterusan (istiqamah) kita kerjakan juga di bulan-bulan yang lain. Dan kita juga berdoa semoga kita tergolong di kalangan orang-orang yang ikhlas dalam membuat amal kebajikan dan segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya rabbal alamin.

Surah Al-Bayyinah ayat 5:

Tafsirnya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadah kepadaNya semata-mata lagi tetap berdiri teguh atas dasar tauhid dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat. Dan yang demikian itulah agama yang lurus.”

JUSTERU, sebagai hamba Allah yang sering melakukan kesilapan dan kealpaan, kita janganlah melepaskan peluang di bulan yang mulia ini untuk mengaut seberapa banyak rahmat Allah, berusaha memohon pengampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan, dan berusaha meminta kepada Allah supaya dijauhkan kita dari azab api neraka.

وقت سمبهيغ داعيره برونى موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى										
وقت سمبهيغ ، امساك ، شوروق دان ضحى باغي داعيره برونى موارا درى ھاري سبتو 5 - ئىنوج 2014 بىر سامان دىن 7 رمضان 1435 ھىڭڭ كھاري جمعة 11 جولى 2014 بىر سامان 13 رمضان 1435 ادالە سقرت دىباوہ اين:										
عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	ھجرية رمضان	ھاري	مسيحي جولى
7.53	6.37	3.52	12.26	6.37	6.12	4.49	4.39	7	سبتو	5
7.53	6.37	3.52	12.27	6.38	6.13	4.49	4.39	8	احد	6
7.53	6.37	3.52	12.27	6.38	6.13	4.49	4.39	9	اتىن	7
7.53	6.38	3.52	12.27	6.38	6.13	4.50	4.40	10	ئىلاھ	8
7.53	6.38	3.52	12.27	6.38	6.13	4.50	4.40	11	رايو	9
7.53	6.38	3.52	12.27	6.38	6.13	4.50	4.40	12	خمىس	10
7.53	6.38	3.52	12.27	6.39	6.14	4.51	4.40	13	جمعة	11

27 Ogos 2010 - SELAMAT ulang tahun, Nurul Batrisya binti Haji Bazri! Ungkapan itu yang ku tunggu keluar dari mulut seseorang yang bergelar kawan kepadaku namun tidak ada seorang pun kawanku yang pernah mengungkapkan perkataan seperti itu kepadaku termasuk yang mengatakan bahawa aku ini adalah kawan baik mereka. Ucapan itu hanya dari ibu, ayah dan abangku. Bukan aku tidak pernah beritahu kawan-kawanku tentang tarikh hari lahirku tetapi mungkin hari lahirku ini bukan sesuatu yang penting buat mereka. Sewaktu kecil mungkin aku tidak perlukan kawan, tetapi sekarang aku sudah berumur 18 tahun dan semestinya aku harus punya kawan baik. Walaupun ia cuma seorang. Tetapi... biarlah. Mungkin belum masanya aku milikki seorang kawan baik. Mungkin suatu hari nanti. Mungkin...

14 September 2010 - Pagi itu aku masuk ke dalam kelasku. Seperti selalu kedatanganku tidak dihiraukan oleh classmatesku. Aku terus saja mengambil tempat duduk ku iaitu di tempat duduk berhampiran dengan jendela. Aku hanya diam disitu sehingga guruku datang. Kemudian aku mulakan pembelajaranku pada hari ini.

Haryana mendekati aku dan menanyakan aku bagaimana untuk menyelesaikan soalan ini. Tanpa banyak bicara, aku menerangkan kepadanya. Aku hanya tersenyum apabila Haryana terus berlalu sebaik aku menerangkan kepadanya tanpa mengucapkan terima kasih. Aku sudah terbiasa dengan perkara itu. Sejak aku berada di sekolah menengah lagi. Ah... biarlah!

20 Oktober 2010 - Hari ini aku akan menduduki peperiksaan akhir tahun bagi Menengah Enam Bawah. Aku berharap aku akan dapat menjawab setiap soalan yang diberikan. Dan semoga juga kawan-kawanku begitu.

3.00 Petang. Alhamdulillah, aku sudah berusaha seberapa mungkin. Sekarang aku hanya perlu bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Aku pulang ke rumah sebaik saja peperiksaan selesai. Aku perlu mengulangkaji untuk kertas peperiksaan yang selebihnya.

14 November 2010 - Peperiksaan ku sudah selesai seminggu lalu. Aku berdebar menunggu keputusanku. Di samping itu juga, aku tiba-tiba merasa sakit di bahagian kepala malah kebelakangan ini aku sering saja lupa akan sesuatu walaupun aku baru meninggalkannya tidak sampai lima minit. Ah, mungkin ini kerana akibat aku terlalu mengulangkaji dan tiada masa untuk menenangkan fikiran.

Soal kawan pula, aku merasa gembira. Kerana apa? Kerana kini aku sudah menemukan seorang kawan yang boleh ku jadikan teman semasa gembira dan juga sedih. Nama dia Khafidah. Dia dari kelas AII. Aku mengenalinya semasa hari kedua aku menduduki peperiksaan. Waktu itu aku berdiri di luar dewan. Aku ternampak ada seorang wanita yang sedang mencari-cari sesuatu di dalam beg sekolahnya. Aku menghampirinya.

“Kenapa?” soalku. Aku melihat wanita itu agak terkejut dengan teguranku.

Aku tersenyum lantas meminta maaf. Salah aku juga terus menegurnya tanpa memberi salam terlebih dahulu. Dia membalas senyumanku. Dia mengatakan dia terlupa untuk membawa geometry set.

Aku lantas memberikan satu geometry set kepadanya dengan senyuman yang lebar. Kami sama-sama melangkah masuk ke dalam dewan untuk menghadapi peperiksaan Matematik.

Sejak saat itu, aku mula bersahabat dengannya. Dan sejak itu juga, aku terasa kegembiraanku datang. Aku berkongsi berbagai cerita dengannya sama ada perkara itu penting atau tidak. Bersama dengan Khafidah membuatkan aku dapat merasakan

Oleh :
Nurul Husna

Diari Batrisya

'beginilah rupanya punya sahabat'.

3 Januari 2011 - Tarikh ini! Masuk hari ini kepalaku semakin sakit. Ayahku terus membawaku ke hospital untuk mengetahui tentang sakit kepalaku yang semakin kerap datang menyerang. Aku terus masuk ke dalam bilik doktor apabila namaku dipanggil oleh jururawat. Aku melangkah masuk ke dalam bilik sendirian kerana ayahku baru sahaja menerima panggilan dari tempat kerjanya untuk datang ke pejabat. Maklum, tempat ayah ku bekerja tidak mengira masa dan tempat.

Aku hairan apabila doktor menyuruh jururawat untuk membawa aku ke suatu tempat yang tidak aku ketahui tetapi yang pasti tempat itu adalah untuk memeriksa apa yang ada di dalam kepalaku. Doktor memberitahuku bahawa aku perlu datang ke hospital dua minggu dari sekarang untuk mengetahui keputusan mengenai pemeriksaan tadi. Aku hanya membiarkan hal itu kerana aku perlu menghadiri *reunion day* dengan sahabat ku tingkatan lima dulu.

Gembira ku sukar untuk diluahkan apabila seminggu sebelum tarikh ini, aku di telefon oleh ketua kelas tingkatan 5B tentang perjumpaan kembali diantara kami tingkatan 5B. Nampaknya mereka tidak pernah melupakan aku walaupun dulu mereka tidak rapat denganku. Mungkin perjumpaan kali ini akan mengundang kegembiraan buatku dan mungkin juga inilah pertemuan terakhir aku dengan mereka.

Soal Khafidah pula, dia baru saja memberitahuku melalui telefon bahawa dia menyukai seorang lelaki bernama Abdul Waie. Ingin rasanya aku memberitahunya bahawa lelaki yang disukainya itu adalah abangku sewaktu dia menunjukkan wajah lelaki itu ketika berada di sekolah tetapi aku hanya membatakannya saja. Mungkin suatu hari, bila waktunya tiba. Dan apabila aku memberitahunya, dia pasti akan menjadi kakak ipar aku. Seronoknya bila itu jadi kenyataan.

5.00 petang - Aku mengetuk pintu rumah Nadhirah, ketua kelas aku dulu sebaik aku sampai. Aku diberitahu bahawa pertemuan ini diadakan di rumahnya manakala tahun lepas pertemuan 5B diadakan di rumah penolong ketua kelas 5B, Raziah. Aku tahu tentang hal itu bukan kerana aku ada sewaktu pertemuan itu tetapi kerana aku tidak dijemput. Perkara itu ku ketahui apabila aku secara tidak sengaja mendengar perbincangan antara Sufri dan Waqi ketika berada di kelas Mathematics.

Nadhirah mempersilakan aku masuk namun tidak ada senyuman pun terukir di wajahnya. Aku memanggilnya. Dia menoleh dan bertanya. Aku mengatakan adakah aku tidak dialu-alukan datang ke situ. Dengan senyuman yang aku tahu tidak sepenuh hati itu, Nadhirah mengatakan bahawa dia Cuma pening sahaja dan mempelawa aku masuk.

“Maafkan aku...” itulah ayat Nadhirah sebelum aku melangkah masuk ke dalam rumahnya. Aku tahu dia seorang yang baik. Buktinya ketika aku disisihkan sewaktu sekolah menengah dulu, dia sahaja yang mahu melayanku. Menemani ku pergi ke kantin tatkala aku tiada kawan untuk diajak, menyokong aku ketika aku dibuli Sufri. Tetapi kebbaikannya kepadaku sering ditegur oleh kawan-kawan dekatnya yang juga merupakan kawan sekelas ku dalam tingkatan 5B. Sejak saat itu, Nadhirah



jarang berbicara kepadaku. Sebaliknya dia menjadi seperti kawanku yang lain. Yang hanya berbicara denganku ketika mereka ingin bertanya suatu soalan dan tanpa ucapan terima kasih, dia akan meninggalkanku. Seperti kawan-kawan ku yang lain.

Airmataku terus merembes keluar tanpaku suruh sebaik aku melangkah masuk ke dalam rumah Nadhirah. Aku disiram dengan baldi yang berisi air. Aku pandang disekeliling. Mereka tanpa rasa kasihan ketawa melihat keadaanku.

Aku lantas meninggalkan mereka tanpa suara. Ketika Nadhirah memegang tanganku, aku tersenyum memandangnya dan mengangguk. Walaupun airmataku masih mengalir, aku tahu tidak sepatutnya aku membiarkan dia merasa bersalah melihat keadaanku.

9.00 malam - “Terima kasih kawan-kawan. Kalian semuanya memang baik. Walau kamu semua tidak memberi aku kegembiraan dipertemuanku yang pertama dengan kalian setelah dua tahun aku tidak bersua dengan kalian semua, tetapi sekurang-kurangnya aku tahu, aku wujud dalam kehidupan kamu. Dan aku bangga kerana aku dapat memberikan tawa kepada kamu semua. Aku tidak akan mengatakan ini satu penganiayaan tetapi aku akan katakan ini satu hadiah, kerana kamu sedar akan diriku. Tidak seperti kita di kelas dahulu. Kalian hanya bersuara denganku bila kalian ada soalan dan pergi meninggalkanku tanpa ucapan terima kasih. Sekali lagi terima kasih kawan-kawan kerana hari ini aku baru merasa bahawa kamu sebenarnya sedar akan kewujudanku tetapi kalian tidak memperdulikannya. Tetapi aku faham, untuk apa kalian ingin memperdulikanku sedangkan kalian masing-masing punya sahabat sendiri. Aku perlu sedar tentang satu hal. Aku tidak boleh memaksa kalian untuk menyukaiku bila tiada sebab untuk aku disukai. Maafkan aku sekiranya aku ada bersalah dengan kalian semua. Dan ucapan terakhir ku, terima kasih untuk segala-galanya kawan-kawan.”

Aku ingin luahkan ucapan seperti ini sewaktu pertemuan itu tetapi aku tidak mahu reunion day itu menjadi bosan dengan kata-kata ku sebegitu lalu aku biarkan saja. Aku yakin, mereka hanya ingin menghiburkan hati masing-masing dengan menjadikan aku bahan untuk diketawakan.”

4 Januari 2011 - HARI ini hari pertama aku kembali ke sekolah dan secara rasminya aku akan menjadi

pelajar tingkatan enam atas. Memang senang rasa hati ini sebab tahun ini lah aku akan menduduki peperiksaan besar A Level. Aku akan berusaha untuk berjaya dan aku ingin belajar sampai ke Universiti. Aku nak sampaikan cita-cita aku nak jadi pensyarah. Pensyarah Batrisya! Cantik kan nama aku bila ada gelaran Pensyarah kat depan tu?? Hehe.. perasan lah pulak..

Tiada yang istimewa hari ni. Sama saja rutin yang biasa aku lakukan di dalam kelas seperti aku berada di tingkatan enam bawah tahun lalu. Cuma yang membezakannya adalah guru-guru ku memberikan harapan tinggi kepada kami untuk berusaha dan sentiasa mengikut apa yang di suruh mereka. Dan jangan lupa untuk sentiasa melakukan sembahyang sunat hajat selepas sembahyang Isya'. Aku akan jadikan pesanan guruku itu sebagai penyuntik semangatku. InsyaaAllah.

Khafidah. Sejak pagi lagi aku menunggu kedatangannya. Memandangkan aku sekelas dengannya subjek Matematik dan subjek itu di waktu petang, maka aku tidak bertemu dengannya waktu pagi. Sekarang ini waktu pelajaran Biologi, cikgu aku pasti akan masuk sekejap lagi. Okay lah, nanti aku cuba ceritakan cerita yang menarik yang terjadi pada aku lagi.

8.00 malam - Lepas saja lunch tengah hari tadi, aku masuk dalam kelas Matematik. Aku tidak sabar menunggu kedatangan Khafidah. Aku mahu menceritakan kepadanya tentang perbuatan kawan-kawan aku dulu terhadapku. Beberapa minit ku tunggu, kelibat Khafidah sudah kelihatan. Aku ingin menegurnya tetapi sebaik saja dia melangkah masuk, dia menjelingku. Aku hairan kenapa dia sebegitu. Aku memanggil namanya tatkala dia melangkah menuju ke meja yang jauh dari meja ku. Dia duduk di situ.

Aku bangun dari tempat duduk ku dan menuju ke arahnya. “Kenapa Fidah?” itulah soalan pertama yang ku ajukan kepadanya. Soalan yang aku rasa boleh dijawab olehnya memandangkan semalam dia yang menghantar SMS kepadanya yang mengatakan dia ada cerita ingin dikongsikan kepadaku. Tetapi sekarang dia berubah tanpa aku tahu sebabnya.

Airmata aku hampir mengalir tadi apabila Khafidah bersuara. “Aku tak nak kawan dengan orang yang makan kawan dan tikam kawan dari

belakang”. Itulah ayat yang menyedihkan aku. Aku tidak tahu kenapa Khafidah mengeluarkan perkataan sebegitu. Sepanjang aku mengenalinya, aku cukup menjaga hatinya. Sedaya upaya aku cuba membuatnya gembira bila aku menjadi kawannya tetapi kenapa dia mengatakan aku cuba menikamnya dari belakang? Apa salahku??

7 Mac 2011 - HARI ini sudah masuk tiga bulan satu hari Khafidah mengelakkan diri dari ku. Aku tidak tahu kenapa. Bila aku cuba menghampirinya untuk bertanya, dia melarikan diri. aku tertanya-tanya apa salahku. Jika aku ada salah, aku ingin meminta maaf dengannya. Aku sanggup walaupun seribu kali asalkan dia kembali semula menjadi sahabatku kerana hanya dia yang mahu melayan karenahku. Tetapi aku rasa mungkin itu tidak akan kembali kerana lagi kerana dia sudah membenciku!

Aku tidak tahu kenapa tetapi sejak bulan lalu, sakit kepalaku semakin menjadi-jadi. Pandanganku juga kadang kala menjadi kabur. Sampai sekarang, aku tidak tahu apa sebenarnya sakit yang ku alami. Mungkin ini salahku juga, doktor pernah memberitahuku untuk berjumpanya setelah dua minggu dari tarikh aku diperiksa, kira-kira tiga bulan lalu. Tetapi aku tidak datang kerana tarikh itu juga adalah merupakan tarikh dimana kawan ku sewaktu sekolah menengah membuat reunion yang pertama dan terakhir bersamaku. Kenangan yang sukar untuk ku lupakan!

Hari ini merupakan tarikh lahir Khafidah. Aku membuat kejutan kepada Khafidah di luarrumahnya. Tetapi kejutan itu berubah menjadi kesedihan.

Khafidah menampar mukaku. Aku masih ingat lagi kata-katanya pada waktu itu. “Aku tak suka kau bagi aku kejutan macam ni. Jangan ingat aku pernah rapat dengan kau, selamanya kita akan macam tu. Aku tak suka nak berkawan dengan kawan makan kawan macam kau ni. Dah lah tu, suka tikam dari belakang. Mulai hari ni, kau dengan aku bukan kawan, sahabat atau pun teman. Aku tak nak kau tegur aku lagi walaupun dekat sekolah. Kau faham tak??”

Dari muka 10

Walaupun ayatnya sebegitu aku tahu dia tidak bermaksud apa-apa. Oleh kerana itu, aku masih cuba menegurnya sehingga hari ini tetapi yang aku dapat hanya jelingan darinya. Mungkin aku harus berhenti menggunakannya. Yang perlu aku lakukan sekarang ni adalah fokus untuk peperiksaan yang akan datang bulan Jun ini.

28 Mac 2011 - SESUATU yang harus aku terima dengan redha pada hari ini. Aku disahkan menghidap penyakit barah otak oleh doktor yang memeriksaku dahulu selepas aku bertemu semula dengannya pada hari ini kerana keadaan sakit kepalaku yang semakin kuat menyerangku dua tiga hari lalu. Aku cuba bertanya doktor apa yang perlu aku lakukan untuk menyembuhkan penyakitku ini tetapi sayang, doktor mengatakan penyakitku ini sudah berada di tahap yang terakhir.

Aku tidak menyembunyikan tangisanku saat itu. Aku menangis semahu-mahunya dihadapan doktor. Sempat aku berpesan pada doktor agar tidak memberitahu penyakitku ini kepada keluargaku. Aku tidak mahu mereka mengetahui tentang hal ini. Aku yakin, jika mereka tahu, pasti mereka akan bersimpati denganku. Aku tidak mahukan simpati mereka.

Sisa hidupku ini, aku akan habiskan waktu ku untuk mendekati-Nya dan membuat kebaikan dengan semua orang. Dan aku juga perlu meminta maaf dari semua orang. Ya! Aku rasa perlu. Kerana itu, aku akan cuba bermula dengan Khafidah.

16 April 2011, 12 tengah hari - Aku masih setia menunggu di tempat letak kereta sebaik aku datang ke sekolah pukul 7 pagi tadi. Aku yakin, Khafidah pasti akan parking di situ dan tekaanku tepat. Walaupun baru tiga hari aku mengenalinya waktu itu,aku sudah faham dengan perangai Khafidah. Jika dia hendak parking, akan memakan masa lima minit. Disebabkan itulah aku sering mentertawakannya. Tapi kini tidak lagi. Aku memandangnya dengan rasa sedih yang tiba-tiba hadir. Di hati ku berdetik dengan tiba-tiba, “adakah ini pertemuan terakhirku dengannya?” Ketika dia keluar dari kereta, aku menghampirinya. Saat dia melihat wajahku, Khafidah cuba mempercepatkan langkahnya. Dengan kudratku, aku dapat menghalangnya. Aku cuba mencari kekuatan selama sebulan sebelum aku dapat meluahkan apa yang ingin ku sampaikan dan hari ini aku baru mendapatkannya.

“Kau siapa nak halang jalan aku ni?” tengkingan Khafidah tadi pagi itu masih difikiranku. Bahkan, aku masih ingat setiap apa yang dia katakan padaku. Waktu itu yang hanya mampu aku lakukan adalah menahan airmata yang hampir menitis. Aku perlu menyatakan apa yang harusaku katakan sebelum terlambat. Khafidah kaku di situ lantas aku suarakan luahanku.

“Fidah, aku ingin minta maaf jika sepanjang persahabatan kita aku ada buat salah dengan kau dan...”

“Kau dengar sini. Aku anggap kau kawan baik aku selama ini tapi aku tak sangka kau sanggup khianati aku. Aku pernah beritahu kau yang aku suka dengan Waie dan nak luahkan perasaan pada dia. Aku janji yang aku akan ceritakan semuanya pada kau sebaik aku meluahkan perasaan aku pada Waie. Tapi apa yang aku dapat? Bila aku beritahu, Waie cakap yang dia suka kau dan kau suka dia. Korang berdua dah lama suka sama suka dan korang berdua dah couple selama ni. Trisya.. kenapa kau buat macam ni? Kenapa kau sanggup khianati aku? Kenapa???”

Yang dapat ku lakukan saat itu hanya

diam. Pagi tadi aku baru tahu kenapa Fidah tidak menegurku sejak tiga bulan lalu. Semuanya berpunca dari Waie, abang kandungku sendiri. Abang Waie yang tua setahun dengan aku memang sering menganggap aku ini adalah kekasihnya dihadapan orang yang ingin mengurnatnya. Walau berkali-kali aku marah dengan Abang Waie, dia tetap menggunakan helah itu. Dan Abang Waie menggunakannya kepada Fidah. Fidah, kawan ku yang tidak tahu tentang hal aku mempunyai seorang abang kerana Abang Waie menyuruh aku menyembunyikannya supaya senang dia untuk mempergunakan namaku.Dan kerana rasa kasih kepada seorang abang, aku sebagai adiknya bersetuju.

Aku ingin menerangkan semuanya pada Khafidah namun belum sempat aku berterus terang, Khafidah terus berlalu meninggalkan aku sendirian di tempat letak kereta itu.

9.00 malam - Usai saja aku makan malam sebentar tadi, aku menemui keluargaku. Ibu, ayah dan juga abang. Aku memberitahu mereka bahawa aku minta maaf tentang setiap salah dan silapku pada mereka. Awalnya mereka ketawa. Begitu juga aku. Namun bila aku meminta maaf dari mereka buat kali ketiga, mereka dengan wajah yang hairan bertanya kenapa perangaiku agak pelik. Aku hanya tersenyum menjawab pertanyaan mereka. Kemudian aku bersalam dengan mereka dan memeluk mereka selama mungkin. Mereka hanya menurut walaupun aku tahu dihati mereka pasti timbul satu tandatnya. Aku mengatakan aku menyayangi mereka sebelum aku masuk ke dalam bilik dan menulis di dalam buku diari ini.

Hati ku belum puas kerana aku belum meluahkan apa yang sebenarnya kepada Khafidah, satu-satunya kawan baik yang ku ada. Tapi bagaimana caranya? Dia seakan tidak mahu bersemuka denganku malah tidak ingin mendengar bicaraku. Dan yang lebih aku takutkan, aku tidak lagi dapat berjumpa dengannya. Tidak apa, aku akan luahkan apayang ingin aku sampaikan kepad anya melalui buku ini. Sekurang-kurangnya, ibu, ayah atau abang aku akan menyampaikannya kepada kawan-kawanku.

Assalamu'alaikum Waramatullahi Wabarakatuh,

Buat keluarga, tujuan Trisya menulis semua ini adalah kerana Trisya ingin meminta maaf kepada ibu, ayah dan Abang Waie sekiranya Trisya mempunyai salah dan silap sepanjang Trisya menjadi anak dan adik dalam keluarga ini. Trisyabahagia berada dalam keluarga ini. Ibu, ayah dan Abang Waie menjadikan Trisya merasa dihargai.

Tujuan Trisya menulis surat ini adalah kerana ingin memohon maaf pada semua yang mengenali Trisya. Trisya harap, ibu, ayah atau Abang Waie dapat menyampaikan ucapan maaf Trisya pada kawan baik Trisya, Khafidah. Beritahu padanya yang Trisya tak pernah ada niat nak mengkhianatinya. Trisya terlalu menyayangi persahabatan kami berdua kerana sepanjang kehidupan Trisya, Khafidah adalah orang pertama yang memahami tentang Trisya. Trisya ada menyimpan hadiah yang Trisya ingin berikan pada Khafidah sewaktu hari jadinya dulu. Itulah saja kenangan yang dapat Trisya berikan pada Khafidah.

Dan buat kawan-kawan Trisya sewaktu sekolah dulu, terima kasih untuk segalanya.Walaupun sewaktu itu adalah pertemuan terakhir kita, tapi ia tetap kenangan terindah yang Trisya takkan lupakan. Trisya ingin memohon maaf atas setiap kesalahan yang Trisya lakukan sepanjang perkenalan kita.

Untuk ibu,ayah dan Abang Waie..

maafkan Trisya kerana menyembunyikan penyakit barah otak yang Trisya hadapi. Trisya sayang semuanya.

Salam sayang, BATRISYA

KHAFIDAH menutup buku diari itu dan menyimpan ke dalam almari kecilnya. Airmatanya yang menitis segera dikesatnya. Itulah rutin yang dilakukan Khafidah setiap malam sejak kepergian Batrisya lima tahun lalu. Rasa rindu mula menguasai dalam diri Khafidah.

“Batrisya, maafkan aku. Jika aku tahu sewaktu di parking hari tu adalah pertemuan terakhir, aku takkan ikut nafsu amarahku. Aku akan minta maaf dengan kau. Aku akan peluk kau puas-puas” bisik hati Khafidah. Airmatanya jatuh lagi. Semakin cuba ditahan, semakin lebat keluarnya.

Khafidah membaringkan dirinya di atas katil empuk. Matanya seakan tidak mahu melabuhkan tirainya. Jika dia ingin menutup mata, bayangan wajah Batrisya seakan muncul. Namun, apabila wajah Batrisya hilang kemudiannya di ganti dengan kenangan pertemuannya dengan Waie, lelaki yang disukainya dan juga merupakan abang kepada Batrisya dua tahun lalu kembali diingatannya.

“Assalamu'alaikum,” sapaan seseorang hanya dibalasnya di dalam hati.

“Boleh saya duduk sini?” soal lelaki itu. Khafidah hanya mengangguk. Waie mengambil tempat duduk di sebelah Khafidah.

Waie memandang Khafidah yang menunduk. "Awak kena relakan kepergian Trisya. Kepergiannya bukan salah awak. ALLAH dah tetapkan ajal dan jodoh pada setiap hamba-hambaNya," Waie memulakan bicaranya.

Khafidah diam. Tisu yang berada di tangannya segera mengesat airmatanya yang tidak berhenti-henti sedari tadi. Walaupun seminggu baru seminggu kepergian Batrisya, namun dirasakannya baru semalam. Dia masih ingat bagaimana rasa tidak percayanya bila Waie menelefonnya memberitahu bahawa Batrisya sudah meninggal dunia. Waie membawa Khafidah ke kubur Batrisya keesokan harinya dan dengan tidak semena-mena, airmata Khafidah terus bercucuran. Rasa bersalahnya mula menular dalam dirinya. Sebagai kawan baik, dia tidak cuba bertolak ansur dengan Batrisya malah dia ego untuk mendengar penjelasan Batrisya waktu itu.

“Batrisya suruh saya berikan pen ini pada awak. Dan saya nak berikan awak buku ini,” ujar Waie sambil menghulurkan buku yang bertulis nama Nurul Batrisya di luar kulit buku itu.

Perlahan-lahan Khafidah mengambil. Dia membuka buku itu dan melihat isi di dalamnya.

“Buku diari?” soal Khafidah.

Waie mengangguk. “Itu buku diari Batrisya. Segala apa yang dia rasa, dia ada tulis di situ.

Di dalam buku tu, banyak tentang awak dan dia,” jelas Waie. Khafidah diam. Tidak tahu untuk berkata apa lagi.

Pen di tangannya di lihatnya. Dia masih ingat pen itu adalah pen yang dimahukannya sewaktu dia dan Batrisya pergi membeli belah dulu. Buku diari Batrisya di genggamnya sekuat mungkin. Cuba membayangkan bahawa dia sedang memeluk Batrisya.

“Saya bukan kawan yang baik. Saya tak dengar pun penjelasan dia waktu itu. Saya hanya tahu marahkan dia kerana dia rampas orang yang saya sukai. Tapi, rupanya..dia...” Khafidah tidak menghabiskan bicaranya. Sebab

dadanya setiap kali mengingati bagaimana dia sering mengatakan Batrisya seorang kawan yang tidak baik.

Waie yang melihat Khafidah mula merasakan sesuatu.

“Awak tak perlu bersalah. Saya yang bersalah sebenarnya. Kalau tak kerana saya asyik minta dia sembunyikan identitinya sebagai adik saya perkara macam ni tak akan jadi. Sekurang-kurangnya awak dan dia masih berkawan. Saya bukan seorang abang yang baik. Saya tak tahu perasaan dia selama ini. Saya abang yang tak bertanggungjawab,” ujar Waie dengan nada sedih.

Suasana antara mereka senyap. Yang ada hanya bunyi burung berkicauan. Masing-masing melayan perasaan mereka. Masing-masing mencuba mengenangkan setiap yang mereka lalui bersama Batrisya dulu.

KHAFIDAH membelek jam tangannya. Dia terkejut menerima panggilan dari Waie awal pagi tadi yang mengatakan hendak bertemu dengan dirinya tengah hari ini. Khafidah memandang orang ramai yang lalu di hadapannya.

“Kenapa Waie ingin bertemu denganku? Di taman pula tu,” omel Khafidah sendirian.

Tiba-tiba Khafidah terfikir sesuatu. “Entah-entah ada terjadi dekat ibu dan ayah. Ya Allah, selamatkan keduanya walau di mana mereka berada,” doa Khafidah kepada orang tua Waie.

Sejak arwah Batrisya pergi, Khafidahlah yang menjadi pengganti sebagai anak kepada ibu bapa Waie. Dia ingin menjadikan kedua orang tua Waie sebagai orang tuanya sendiri setelah kepergian kedua orang tuanya seminggu selepas Batrisya meninggal dunia. Dia bersyukur kerana kedua orang tua Waie begitu baik dengan dirinya walaupun dia cuma anak angkat mereka.

“Assalamu'alaikum.”

Khafidah menoleh ke belakang. Bila dia ternampak Waie sedang tersenyum kepadanya, dia membalas.

“Wa' alaikumussalam.”

“Dah lama sampai?”

“Tak adalah lama mana, sepuluh minit saja.”

“Maaf, buat awak tunggu-tunggu.” Khafidah hanya tersenyum.

“Sebenarnya saya nak jumpa awak ni sebab ibu,” ujar Waie.

Khafidah lantas bersuara. “Kenapa dengan ibu?” Wajahnya nampak gusar.

“Tak, ibu tak ada apa-apa. Cuma.. ibu suruh saya kahwin,” jelas Waie.

Khafidah terkejut. Dia tidak tahu hendak buat apa. Apa hak dia hendak menghalang?Walau dia akui dia masih mencintai Waie sehingga ke hari ini, dia masih tidak berpeluang untuk meluahkan. Lagipula sekarang dia tidak mahu terlalu mengharap pada Waie. Cukuplah pengalaman masa lalu mendewasakan dirinya. Kerana ego dan rasa ingin memilikki, dia sanggup kehilangan seorang kawan yang baik.

“Oh, baguslah kalau macam tu. Awak pun dah berumur 26 tahun. Dah memang patut pun nak kahwin. Ibu mungkin dah ada calon yang sesuai untuk awak,” Khafidah bersuara.

Waie memandang Khafidah. “Macam mana saya nak terima calon pilihan ibu kalau saya dah ada calon pilihan saya sendiri?”

Khafidah diam. Dia cuba memberi jawapan yang berasaskan akal fikiran dan hati, bukan hanya satu dari keduanya. “Kalau awak tak nak kahwin dengan pilihan ibu, awak boleh beritahu ibu yang awak dah ada pilihan hati sendiri. InsyaaAllah, saya yakin.. ibu pasti akan faham.”

“Kalau ibu setuju dengan pilihan

saya pun, saya tak tahu wanita pilihan saya tu akan setuju,” ujar Waie.

Khafidah tersenyum. “Awak kena cuba dulu. Belum cuba belum tahu.”

“Baik. Saya cuba sekarang.”

“Sekarang?” desis hati Khafidah.

Waie sudah berdiri di hadapannya. Khafidah mengerutkan dahi. Khafidah jelas terkejut apabila Waie menghulurkan sebetuk cincin kepadanya. “Apa semua ni?”

“Saya dah menunaikan solat istikharah kerana ingin tahu adakah awak wanita yang layak menjadi pendamping saya dan Alhamdulillah, setiap mimpi saya awak yang muncul. Saya nak beri awak cincin ini. Kalau awak terima, bererti awak terima saya untuk jadi pendamping awak.” Khafidah diam. Berat untuk dia memberi keputusan atas lamaran Waie.

“Khafidah. . .” panggil Waie.

“Saya.. saya tak boleh terima. Maafkan saya. Saya rasa lebih baik awak ikut cakap ibu untuk terima pilihan dia.” Khafidah bangkit dari bangku dan berjalan beberapa langkah membelakangi Waie yang sedang duduk.

“Saya rasa tak ada beza kalau saya terima pilihan ibu sebab.. pilihan ibu itu adalah...awak.”

Khafidah tergamam. “Aku? Pilihan ibu untuk Waie adalah aku? Tapi kenapa?”

“Ya, Fidah. Ibu rasa hanya awak layak menjadi permaisuri hidup saya. Saya tahu mungkin awak susah hendak terima saya kerana masih dibayangi rasa bersalah terhadap arwah. Tapi percayalah, kalau arwah masih hidup, pasti dia suka dengan keputusan yang saya lakukan,” jelas Waie.

Khafidah memandang cincin yang berada di tangan Waie. Perlukah aku terima? Layakkah aku? Aku wanita yang pernah membuatkan adiknya sedih dan tanpa sempat aku meminta maaf pada dia, dia telah pergi untuk selama-lamanya. Desis hatinya.

“Maaf. Saya tak boleh.”

“Kenapa?” soal Waie. Khafidah diam. “Sebab Batrisya?”

Khafidah mengeleng. “Habis tu?”

“Walau sampai sekarang saya masih mencintai awak, tapi saya..saya tak yakin boleh jadi isteri yang baik buat awak. Sedangkan saya sebagai seorang kawan pun masih tak mampu jadi yang terbaik.”

Waie tersenyum. “Awak bukan tak mampu. Awak sebenarnya ditemani oleh keegoan dan kemarahan waktu tu. Sebab tu awak tak boleh fikir dengan baik. Tapi saya yakin, sebenarnya arwah sangat sayang dengan awak kerana apa? Kerana awak seorang yang baik.”

“Puji ke sindir?” soal Khafidah.

Waie ketawa. Lucu pendengarannya mendengar soalan Khafidah. “Awak rasa?”

“Saya rasa itu pujian tak ikhlas,” balas Khafidah diiringi senyuman.

“So, apa jawapan awak untuk lamaran saya tadi?”

Khafidah diam. Sebelah hati kata setuju sebelah lagi masih berfikir.

“Kata orang tua dulu, diam tu tanda setuju.”

Khafidah tersenvum.

“Mari saya bawa awak jumpa ibu. Ibu pasti suka dengar berita ni.”

Waie bersuara lantas menarik tangan Khafidah untuk mengikutnya. Gembira rasa hatinya apabila lamarannya di terima oleh Khafidah.

Khafidah hanya tersenyum.

“Batrisya, aku harap dengan keputusan ku ini akan dapat menunaikan janjimu sebagaimana yang kau pernah tulis dalam diari kau bahawa kau ingin melihat aku menjadi kakak ipar kau. aku sayang kau, Batrisya. Aku sayang kau.”

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Kelebihan menuntut ilmu semasa bulan Ramadan tidak menghalang atau mengurangi ilmu yang dicari malah banyak memberikan manfaat serta pengajaran di dalamnya.

Seperti lazimnya di negara ini pada bulan Ramadan, aktiviti persekolahan akan berjalan terus seperti biasa, tetapi waktu persekolahan dikurangkan dari kebiasaannya bagi memberi kesempatan serta kemudahan kepada para pelajar untuk sama-sama menjalani ibadah puasa.

Pemangku Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Dayang Norjalina binti Haji Ja'afar menjelaskan, dengan adanya pengurangan jam belajar di musim puasa ini, ia memberi keringanan kepada anak-anak terutama yang masih kecil dalam menjalani pembelajaran selain menumpukan kepada ibadah puasa.

Selain pengurangan waktu pembelajaran, tambahnya, pihak sekolah juga perlu memperhatikan semula terutama dalam mengurangi kegiatan aktiviti luar darjah seperti bersukan selama bulan puasa atau menggantikannya dengan aktiviti-aktiviti keagamaan.

"Justeru dengan pengurangan masa belajar di sekolah di musim puasa ini banyak memberi manfaat terutama di dalam menuntut ilmu dan usaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya ketika ditemu bual oleh PELITA BRUNEI.

Menurut Dayang Norjalina, dengan ruang masa yang lebih panjang di rumah, para pelajar boleh memanfaatkannya dengan mentelaah buku pelajaran atau membuat kerja-kerja rumah selain memperbanyakkan lagi bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang secara langsung menjurus kepada pendidikan agama.

"Inilah hikmat bulan Ramadan yang ditunggu dengan membawa 1,000 rahmat dan keistimewaan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba yang beriman dan bertakwa," jelasnya.

Bagi Awangku Mohamed Zulhilmi bin Pengiran Abdul Halim, perbezaan persekolahan di bulan Ramadan ini

Puasa tidak halang penuntut timba ilmu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



AWANGKU Mohamed Zulhilmi bin Pengiran Abdul Halim, Sekolah Menengah Rimba.

adalah lebih semangat dan penumpuan kepada pembelajaran juga bagus jika dibandingkan dengan waktu persekolahan biasa.

"Mungkin ada keberkatan dan kelebihan memandangkan bulan puasa adalah bulan yang mulia, jadi rasa penat atau letih itu tidak begitu terasa tambahan pula waktu pembelajaran telah dipendekkan daripada biasanya," jelas pelajar Tahun 11S dari Sekolah Menengah Rimba (SMR) itu.

Dayangku Nur Farah Aina binti Pengiran Haji Abdul Rahman pula berpendapat, bersekolah di bulan Ramadan ada kalanya timbul rasa letih dan penat kerana menahan lapar dan dahaga disebabkan berpuasa.

Walau bagaimanapun, pelajar Tahun 11M dari SMR itu menjelaskan, pembelajaran dan ulang kaji mesti



DAYANGKU Nur Farah Aina binti Pengiran Haji Abdul Rahman, Sekolah Menengah Rimba.

diteruskan memandangkan peperiksaan besar sudah semakin dekat walaupun dalam keadaan lemah menahan lapar dan dahaga.

Pengetua Stella's School, Lisa K. Lee ketika ditemu bual menjelaskan, murid-murid hadir bersekolah begitu ceria dan bertenaga.

Menurutnya, di bulan Ramadan ini, semua aktiviti-aktiviti seperti ECA telah digantikan dengan sesi membaca buku di perpustakaan dan ulang kaji pelajaran di kelas masing-masing.



MURID-MURID tetap ceria walaupun menjalani pembelajaran dalam bulan Ramadan (atas dan bawah).



SUASANA sesi persekolahan di bulan Ramadan murid-murid Stella's School (atas dan bawah).



KELEBIHAN menuntut ilmu semasa bulan Ramadan tidak menghalang atau mengurangi ilmu yang dicari malah banyak memberikan manfaat serta pengajaran di dalamnya.

Seperti lazimnya di negara ini pada bulan Ramadan, aktiviti persekolahan akan berjalan terus seperti biasa, tetapi waktu persekolahan dikurangkan dari kebiasaannya bagi memberi kesempatan serta kemudahan kepada para pelajar untuk sama-sama menjalani ibadah puasa.

MoU pelaksanaan projek rintis sawah padi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri hadir pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Haji Mohidin

TUNGKU, Rabu, 2 Julai. - Institut Teknologi Brunei (ITB) dan Jabatan Pertanian dan Agrimakan (JPA), Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai satu langkah ke hadapan dalam hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak.

Majlis penandatanganan yang diadakan di Dewan Kuliah 2, ITB itu disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Mewakili pihak ITB bagi menandatangani MoU tersebut ialah Pemangku Naib Canselor ITB,

Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman, manakala Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah menandatangani bagi pihak JPA, KPSSU.

Sebelum ini, penyelidik-penyelidik dari ITB telah berjaya melaksanakan projek kajian 'Rain Harvest and Supplementary Irrigation for Rain-Fed Paddy Schemes in Brunei Darussalam (SIRAPS)' dengan penglibatan JPA.

Salah satu dapatan penyelidikan berkenaan ialah secara teknikal, sawah-sawah padi yang bergantung kepada air hujan yang ada pada masa ini berpotensi menghasilkan tuaian tiga tan padi bagi setiap hektar daripada hasil tuaian sekarang yang hanya satu tan bagi setiap hektar, jika infrastruktur pengaliran tambahan dapat dibangunkan.

Hasil tuaian juga mampu mencecah enam tan bagi setiap hektar, dengan dua tuaian setiap tahun, jika sumber air memuaskan.

Pada masa yang sama, MoU tersebut juga memberikan peluang bagi kedua-dua pihak untuk meneroka bidang-bidang kerjasama lain yang boleh dilaksanakan seperti Pembangunan Kapasiti, Kerjasama Penyelidikan, Khidmat Konsultansi dan Kerjasama Industri dan Akademik.

Salah satu kerjasama yang berpotensi dilaksanakan secara bersama ialah pelaksanaan projek-

projek rintis sawah-sawah padi yang menerapkan kaedah pengaliran tambahan.

Terdahulu dalam ucapannya, Pemangku Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah menjelaskan, sebagai sebuah universiti kejuruteraan dan teknologi di negara ini, ITB sentiasa mengalu-alukan kerjasama strategik dengan *stakeholders* daripada pihak industri sama ada daripada sektor kerajaan dan swasta dalam sama-sama membantu mencapai visi dan misi organisasi masing-masing.

Sebagai misalan, tambahnya, dengan kepakaran dalam bidang kejuruteraan yang ada di universiti ini, khususnya dalam bidang sumber air, ITB bersedia untuk berperanan dalam memberikan input teknikal dalam projek-projek rintis (*pilot projects*) yang bakal dilaksanakan oleh JPA, susulan daripada saranan-saranan bersesuaian yang terbit daripada projek SIRAPS.

Majlis dihadiri oleh pegawai-pegawai utama ITB, pegawai-pegawai kanan dari JPA dan ITB.



PEMANGKU Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakan, KPSSU bertukar dokumen MoU sambil diperhatikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU.

ASEAN mesti bebas ancaman dadah tahun 2015



PEGAUAI-PEGAUAI kanan Mesyuarat Ke-35 Pegawai Kanan ASEAN Bagi Hal-Hal Dadah dan Mesyuarat Yang Berkaitan (ASOD) semasa bergambar ramai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Negara Brunei Darussalam melalui Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menghadiri Mesyuarat Ke-35 Pegawai Kanan ASEAN Bagi Hal-Hal Dadah dan Mesyuarat Yang Berkaitan (ASOD).

Pengarah BKN, Awang Haji Jasmin bin Haji Jamudin dalam mesyuarat itu, antara lain menekankan bahawa

Tiga buah kedai jahit diserbu Ops Kikis JIPK

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (BPGN JIPK) telah mendapati



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ketika mengadakan Serbuan Ops Kikis di tiga buah kedai jahit di Jalan Kota Batu.

ASEAN Bebas Dadah 2015 telah menghampiri tahun akhirnya dan keperluan untuk memuktamadkan penilaian bagi Pelan Kerja ASOD, supaya AMS memahami pencapaian dan hasil seperti yang dinyatakan dalam rangka ASEAN Bebas Dadah 2015.

Beliau juga memaklumkan dalam mesyuarat itu bahawa tugas sekarang,

adalah lebih besar, kerana bukan sahaja ASEAN perlu untuk membangunkan penyelesaian yang lebih baik dan lebih berkesan, ASEAN mestilah menilai semula sifat dan dimensi ancaman dadah dan juga dasar-dasar yang lebih baik kepada tujuan yang sama iaitu menangani ancaman ini.

Tambahnya, ASEAN seharusnya segera berfikir untuk bertindak di luar dan untuk mencabar persepsi yang lebih.

Mesyuarat empat hari itu telah dipengerusikan oleh Lembaga Dadah Berbahaya Filipina yang antaranya dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada agensi penguat kuasa dadah ASEAN.

Antara tajuk lain yang dibicarakan ialah memperkukuhkan kawalan sempadan, udara dan pelabuhan serta menggalakkan operasi bersama, mengamalkan piawaian antarabangsa mengenai Penggunaan Dadah Pencegahan Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC), meningkatkan akses kepada model alternatif kepada rawatan dan pemulihan, meningkatkan program kerjasama dengan NGO

tempatan dan CSO, rakan dialog dan organisasi antarabangsa dan perkongsian maklumat mengenai kemunculan Bahan Baru Psikoaktif.



SUASANA Mesyuarat ASOD ketika sedang berlangsung.

PKBN umum alamat baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) memaklumkan kepada orang ramai bahawa alamat untuk mengambil dan mengembalikan borang PKBN telah berubah.

Alamat yang terbaru bagi PKBN adalah di Kaunter, Tingkat Bawah, Blok 18, Simpang 32-15, Kawasan Flat Anggerek Desa, Berakas BB3713, Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan itu, jika ada sebarang pertanyaan, orang ramai adalah digalakkan untuk membuat pertanyaan di kaunter tersebut.

Jabatan Perikanan anjur pertandingan CARE

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Julai. - Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama akan menganjurkan Pertandingan Mereka Cipta Logo dan Slogan 'Coral Conservation, Awareness, Rehabilitation & Enrichment (CARE) Programme' sempena pelancaran 'Coral Conservation, Awareness, Rehabilitation & Enrichment (CARE) Programme' masih lagi dibukakan kepada orang ramai.

Tarikh penyertaan bermula 23 Jun 2014 hingga 23 Julai 2014. Borang penyertaan boleh didapati di Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara BT1723, Negara Brunei Darussalam atau di laman web www.industry.gov.bn.

Tarikh tutup penyertaan ialah 23 Julai 2014 (pukul 2.00 petang) dan tempat menghantar borang penyertaan bolehlah dihantar ke Ibu Pejabat Jabatan Perikanan.



**SKIM BIASISWA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (BPTV)
DI INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA DALAM NEGERI
DI BAWAH DANA SUMBER MANUSIA
SESI PENGAJIAN BULAN SEPTEMBER 2014
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI (JPKE)
JABATAN PERDANA MENTERI**

DIBUKAKAN KEPADA

- ♦ **RAKYAT** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan
- ♦ **PENDUDUK TETAP** Negara Brunei Darussalam.

CARA MEMOHON

LANGKAH 1

Pemohon hendaklah memohon ke institusi (IPS) yang dilantik bagi mendapatkan Surat Tawaran belajar. (Permohonan tempat adalah terhad kepada 1 institusi sahaja)

LANGKAH 2

Setelah mendapat Surat Tawaran belajar dari IPS, pemohon hendaklah mengisi **Borang BPTV/A** yang boleh diperolehi dari IPS atau memuat turun borang tersebut di laman web **www.depd.gov.bn**

LANGKAH 3

Hantarkan Borang BPTV/A yang lengkap tidak lewat dari **09 Ogos 2014** kepada

**Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Blok 2A, Jalan Ong Sum Ping, BSB
Tingkat 8, Bilik 2A:803 (East Wing)**

PENGUMUMAN PENTING

TARIKH TUTUP PERMOHONAN SKIM BPTV SESI SEPT 2014: **09 OGOS 2014**
PENGAMBILAN ADALAH TERHAD MENGIKUT KAPASITI INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA.

SYARAT-SYARAT UTAMA

- ♦ Pemohon adalah dari lepasan sekolah di peringkat 'O' dan 'A' level atau sebandingnya dan TIDAK BEKERJA;
- ♦ Memenuhi syarat-syarat kemasukan bagi mengikuti kursus-kursus yang berkenaan sahaja;
- ♦ Tempoh kursus pengajian yang dipohonkan tertakluk kepada peringkat pengajian kursus secara SEPENUH MASA sahaja; dan
- ♦ Pemohon peringkat HND hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya Kepujian (Credit C6) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) atau IELTS Band 6.0 atau Credit C dalam peperiksaan IGCSE dalam matapelajaran English as Second Language.

JENIS PERINGKAT PENDIDIKAN

NATIONAL AWARDING BODY

- BDTVEC Higher National Diploma
- BDTVEC Diploma
- BDTVEC Skill Certificate 3
- BDTVEC Skill Certificate 2

INTERNATIONAL AWARDING BODY

- BTEC Level 5 (HND)
- BTEC Level 4 (HNC)
- BTEC Level 3 (Diploma)
- BTEC Level 2 (Certificate)
- NCC Education International Advance Diploma
- NCC Education International Diploma
- NCC Education International Certificate
- LUCT Diploma

Semua jenis kursus yang ditawarkan di dalam negeri yang diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) dan/atau Brunei Darussalam Technical and Vocational Education Council (BDTVEC) bagi program di bawah:

INSTITUSI PENGAJIAN SWASTA (IPS)

- a) Kemuda Institute;
- b) Cosmpolitan College of Commerce and Technology;
- c) Laksamana College of Business;
- d) Micronet International College;
- e) Kolej International Graduate Studies; dan
- f) BICPA-FTMS Accountancy Academy Sdn Bhd



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**PERTANDINGAN MEREKACIPTA
LOGO DAN SLOGAN**

KEMENTERIAN Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan ini mempelawa atas secara terbuka untuk menyertai Pertandingan Merekacipta Logo dan Slogan bersempena dengan pelancaran Coral C.A.R.E Programme yang telah diadakan pada 8 Jun, 2014 yang lalu.

SYARAT-SYARAT:

1. Logo hendaklah menepati huraian CORAL CARE PROGRAMME seperti yang dilampirkan dalam Lampiran 1.
2. Semua rekacipta hendaklah asli, bersifat dinamik dan korporat.
3. Setiap peserta hendaklah tidak meniru Logo & Slogan yang tersedia ada atau seakan-akan sama dengan logo-logo kepunyaan agensi kerajaan, agensi swasta dan NGO samada di dalam maupun luar negeri.
4. Semua rekaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak milik Jabatan Perikanan dan boleh digunakan semula tanpa sebarang syarat.

5. Rekacipta Logo dan Slogan:
 - Pilihan warna tidak boleh melebihi 4 warna.
 - Direka menggunakan grafik komputer.
 - Dihantar dalam bentuk cetakan diatas kertas A4 dan juga didalam 'softcopy'.
 - Setiap rekacipta hendaklah disertakan dengan huraian maksud bagi setiap simbol atau warna yang digunakan.
 - Slogan hendaklah ringkas, mempunyai makna, mudah difahami, paling menarik dan kreatif.

6. Peraduan ini adalah **terbuka kepada orang ramai**. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar terhad kepada tiga (3) logo sahaja.

7. Setiap penyertaan perlu melengkapkan borang penyertaan yang disediakan dalam Lampiran 2.

8. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab diatas sebarang kehilangan, kerosakan atau apa-apa kos bahan cetakan yang dihantar oleh peserta.

9. Penyertaan dibuka daripada **23 Jun 2014 hingga 23 Julai 2014**. Penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada **23 Julai 2014 (Khamis) jam 2.00 petang** kepada:

**Urusetia Pertandingan Merekacipta
Logo dan Slogan
Jabatan Perikanan,
Kementerian Perindustrian dan**

**Sumber-Sumber Utama
Simpang 287-53, Jalan Peranginan
Pantai Serasa,
Muara BT 1728,
Negara Brunei Darussalam**

10. Keputusan adalah muktamad dan pemenang akan diumumkan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

11. Hanya seorang pemenang sahaja akan menerima hadiah berupa wang tunai **\$500.00** berserta sijil penghargaan bagi mencipta logo.

12. Hanya seorang pemenang sahaja akan menerima hadiah berupa wang tunai **\$300.00** berserta sijil penghargaan bagi mencipta Slogan.

Makluman

1. Peserta yang akan mengikuti pertandingan ini akan diberikan penerangan yang lebih lanjut oleh Urusetia Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada tarikh dan tempat berikut:

**Jam / Tarikh : 10 pagi / 7 Julai 2014
Tempat : Jabatan Perikanan,
Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama
Simpang 287-53, Jalan Peranginan
Pantai Serasa,
Muara BT 1728,
Negara Brunei Darussalam**

2. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi pihak urusetia peraduan di talian berikut:

**Awang Matzaini Hj Juna, Pmk Pegawai
Perikanan Kanan Telefon No.2770066 /
8878833**

Hjh Zuliza Hj Jolkifli, Pegawai Perikanan

Telefon No.2770066 / 8614867

HURAIAN TEMA

**'CORAL Conservation, Awareness,
Rehabilitation & Enrichment (CARE)
PROGRAMME'**

CORAL CARE PROGRAMME merangkumi 4 tunggak utama di dalam usaha bagi pemeliharaan takat karang di kawasan perairan Brunei Darussalam iaitu: -

- i. **Conservation ("Pemuliharaan")** - Perlindungan takat karang yang sedia ada dan kehidupan marin yang bergantung padanya;
- ii. **Awareness ("Kesedaran Awam")** - Orang awam mempunyai pengetahuan dan kesedaran akan kewujudan, manfaat dan kepentingan takat karang
- iii. **Rehabilitation ("Pemulihan")** - Merujuk kepada segala usaha dan kerja - kerja yang berkaitan dengan pemulihan dan membaik pulih takat karang yang rosak serta ekosistem yang tercemar
- iv. **Enrichment ("Memperkayakan")** - Berkaitan dengan proses - proses yang dinamik bagi meningkatkan komuniti takat karang

CORAL CARE PROGRAMME merupakan inisiatif untuk menyokong dan melengkapkan lagi kerja-kerja serta program-program Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dalam usaha mencapai matlamat bagi pemuliharaan, perlindungan, pemulihan dan penanaman semula takat karang yang rosak dan tercemar.


**JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**
BILANGAN SEBUT HARGA:
05/JPD/JKSH/2014-2015
TAJUK SEBUT HARGA:
TAWARAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, CAWANGAN DAERAH TUTONG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong semasa waktu pejabat iaitu 8.00 pagi - 11.30 pagi dan dari 2.00 petang hingga 4.00 petang.**

3. Setiap borang sebut harga hendaklah diisikan dengan lengkap dan disertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan perkara yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut harga dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup rapat tanpa menunjukkan identiti pemborong serta menyatakan Bilangan dan Tajuk Sebut harga dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dialamat:

Pengerusi
Jawatan Kuasa Sebut Harga
Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat
Tingkat 4, Jalan Beribi Gadong, BE1110
Brunei Darussalam

4. Tarikh tutup menghadapkan sebut harga berkenaan pada hari **Khamis, 17 Julai 2014, jam 2.00 petang.** Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah ataupun apa-apa jua bentuk tawaran.


**PUSAT STANDARD KEBANGSAAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**
BILANGAN TAWARAN :
PSK/KPSU/SH/001/2014
TAJUK TAWARAN :
REPAIR, REPLACE AND MAINTENANCE OF DOOR ACCESS & CCTV
EQUIPMENTS AND ACCESSORIES AT THE NATIONAL STANDARD CENTRE

Tawaran di hadapkan kepada :

Pengerusi,
Jawatankuasa Sebutharga,
Peti Sebutharga, Tingkat Bawah
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar BB 3910
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup : **24 Julai 2014 Jam : 2.00 Petang Hari : Khamis**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pusat Standard Kebangsaan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, KM 33, Kampung Sinaut, Jalan Tutong TB1741, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti Syarikat/Pembekal. Mana-mana tawaran yang dihadapkan untuk tidak mengikut seperti keterangan di atas akan dibatalkan untuk mengikuti tawaran.

4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Dokumen tawaran berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Resit dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.


**JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**
BILANGAN TAWARAN :
JPB/5/2014
KETERANGAN:
MEMBEKALKAN CATUAN MAKANAN BAGI PENJARA LELAKI JERUDONG
YURAN TAWARAN :
BND100 (Tidak Dikembalikan)
TARIKH TUTUP DAN WAKTU
Hari Selasa, 5 Ogos 2014
(tidak lewat dari jam 2.00 petang)
WAKTU-WAKTU MENERIMA / MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
ISNIN-KHAMIS :
8.00 HINGGA 11.30 PAGI
1.30 HINGGA 3.00 PETANG
HARI SABTU :
8.00 HINGGA 10.00 PAGI
Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Nama Tawaran seperti mana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:-

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BS8610.

3. Tarikh tutup bagi tawaran tersebut ialah pada hari **Selasa, 5 Ogos 2014 tidak lewat jam 2.00 petang.** Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam.**

5. Setiap borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, salinan Resit Pembayaran Dokumen Tawaran, Salinan Kad Pengenalan, Borang Pengakuan (Declaration Form), Borang Senarai Pemilik Syarikat.

6. Yuran Tawaran (Tender Fee) dikehendaki dibuat dengan WANG TUNAI sahaja dan tidak dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.


**INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH**
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JUALAN LELOG HARTA BENDA
KERAJAAN
SECARA SEBUT HARGA

ADALAH dengan ini diberi notis bahawa jualan lelong bagi **11 unit/peralatan/perkakas** pejabat dan sekolah akan dibuat secara sebut harga lelong Unit Penghapusan Dari Kira-Kira Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesiapa yang berminat untuk menghantar sebut harga bolehlah mendapatkan borang dan dihantar ke tingkat bawah Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

PETI SEBUT HARGA LELOG
UNIT PENGHAPUSAN
DARI KIRA-KIRA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA
JALAN MENTERI BESAR BB3910
TARIKH TUTUP: 12 JULAI 2014,
JAM 9.00 PAGI.
KETERANGAN BARANG/
PERKAKAS/PERALATKAN

1. REFRIGERATION (2 DOOR REACH-IN FREEZER) - 2 BUAH
2. 3-DEST RICE COOKER - 1 BUAH
3. TILTING SKILLET - 1 BUAH
4. COMBI STREAMER - 1 BUAH
5. RING KWALI RANGE - 2 BUAH
6. 6-OPEN BURNER RANGE - 1 BUAH
7. DEEP FAT FRYER - 1 BUAH
8. ICE MACHINE - 1 BUAH
9. ICE STORAGE BIN - 1 BUAH

Syarat-Syarat bagi Jualan Lelong Secara
Sebut Harga ini adalah seperti berikut:

a. Dibukakan kepada secara tawaran tertutup kepada orang ramai.

b. Borang Sebut harga, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenaianya boleh diperolehi dengan menghubungi Talian **2382525 Ext 723 semasa waktu pejabat.**

c. Hanya pembeli Berajaya dalam Sebut harga Lelong Unit Penghapusan Dari Kira-Kira untuk tindakan selanjutnya.

d. Lelongan Berjaya dinilai berdasarkan harga tertinggi.

e. Kesemua sebut harga diisi dengan menggunakan borang yang disediakan secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebut harga di Tingkat Bawah Bahagian Kewangan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar BB3910 tidak lewat pada hari Sabtu, 12 Julai 2014, jam 9.00 pagi** dengan menggunakan Sampul Surat Tertutup rapat (Sealed) dan tertulis dengan terang **“11 unit peralatan/perkakas elektrik Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah”.**

f. Bahagian Depan Sampul Surat Sebut harga hendaklah dan tertulis perkara berikut:

i) Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga Lelong:

Unit Penghapusan Kira-Kira Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

ii) Bilangan Sebut harga.

iii) Tajuk Sebut harga.

iv) Tarikh Tutup Sebut Harga.

g. Pembeli Yang Berjaya dikehendaki Membayar Secara Wang Tunai dan memin-dahkan Barang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh pembayaran:

i) Barang-barang yang telah dibeli tetapi dipindahkan dalam masa tempoh tujuh(7) hari dari tarikh jualan akan dirampas dan dilelong semula.

ii) Pembeli yang Berjaya hendaklah mem-bayar Wang Pendahuluan (Deposit) sebanyak 10% daripada harga lelong.Wang Pendahu-luan (DEPOSIT) tidak akan dikembalikan jika membatalkan sebut harga lelong tersebut.



KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

BILANGAN TAWARAN:
KPSSU/AFS/TWN-03/2014

TAJUK TAWARAN:
TO SUPPLY, DELIVERY, COMMISSION AND INSTALLATION OF LABORATORY FURNITURE AND RENOVATION WORK FOR PESTICIDE LABORATORY, AGRIFOOD SAFETY DIVISION, MINISTRY OF INDUSTRY AND PRIMARY RESOURCES.

TARIKH TUTUP TAWARAN :
22 JULAI 2014 HARI: SELASA
JAM: 2 PETANG.
TARIKH TAKLIMAT: 8 JULAI 2014
JAM: 10 PAGI
TEMPAT: SEKSYEN MAKMAL

RACUN KIMIA, TERUNJING LEBUHRAYA RIMBA BB1514.
YURAN TAWARAN: \$30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
TARIKH TUTUP MENGAMBIL BORANG TAWARAN: 8 JULAI 2014

1. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada alamat berikut **tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 22 Julai 2014.**
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar BB3910

Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri surat hendaklah ditulis dengan bilangan /tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti Syarikat / Pembekal.

4. Satu contoh dokumen tawaran akan diperlihatkan dan pembayaran yuran boleh dibuat di Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910 Negara Brunei Darussalam.

5. Dokumen dan borang tawaran boleh diperolehi di Seksyen makmal Racun Kimia, Terunjing, lebuhraya Rimba BB1514 dengan membawa dan melihat resit pembayaran yang telahpun dibuat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

6. Harga Dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **B\$30.00** (tidak dikembalikan bagi setiap tawaran pada waktu berkerja:-

Hari Isnin hingga Khamis (Bulan Ramadhan): 8.15 pagi -12.00 tengahari dan hari Sabtu: 8.00 pagi - 10.00 pagi.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

8. Salinan Sijil Pendaftaran perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.

9. Semua Penender dan/atau wakilnya hendaklah dimestikan hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran diatas pada 8 Julai 2014 (Hari Selasa) Seksyen makmal Racun Kimia, Terunjing, Lebuhraya Rimba BB1514.

10. Penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **8 Julai 2014 (hari Selasa) jam 2.00 petang.**



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM KEMENTERIAN PENDIDIKAN

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

BIL TAWARAN : UBD/E8/013/2014
KETERANGAN : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN BASAH BAGI KEPERLUAN PUSAT KAJIAN LUAR KUALA BELALONG (KBFSC), UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UNTUK TEMPOH 2 TAHUN)
BAYARAN DOKUMEN DAN PENTAD-BIRAN: \$30.00 (Tidak dikembalikan)

BIL TAWARAN: UBD/E8/015/2014
KETERANGAN : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR MAKANAN KERING BAGI KEPERLUAN PUSAT KAJIAN LUAR KUALA BELALONG (KBFSC), UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UNTUK TEMPOH 2 TAHUN)
BAYARAN DOKUMEN DAN PENTAD-BIRAN: \$30.00 (Tidak dikembalikan)

BIL TAWARAN: UBD/E8/016/2014
KETERANGAN : TAWARAN BAGI PENYEWAAN RUANG KEDAI, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (BAGI TEMPOH 3 TAHUN)
BAYARAN DOKUMEN DAN PENTAD-BIRAN: \$10.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran

1) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebut Harga, Bangunan Pentadbiran Universiti Brunei Darussalam Jalan Tungku Link BE1410, Negara Brunei Darussalam. **Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 22 Julai 2014.**

2) Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3) Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan

tempoh pembekalannya.

4) Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.

5) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

PENGERUSI
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG,
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNGKU LINK BE1410
BANDAR SERI BEGAWAN, BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

6) Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.

7) Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan **WANG TUNAI.**

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :-

ISNIN - KHAMIS :
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
1.30 PETANG - 3.30 PETANG
SABTU
8.00 PAGI - 11.00 PAGI
1.30 PETANG - 3.30 PETANG

SEMASA BULAN RAMADAN
ISNIN-KHAMIS:
8.15 PAGI - 1.15 PETANG
SABTU: 8.15 PAGI - 3.30 PETANG

8) Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

9) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

10) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

11) Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN 1:
MINDEF/DFA/RC/175 (4)
DAILY HOUSEKEEPING TERM CONTRACT
FOR THE DENTAL CLINIC BUILDING AT BERAKAS GARRISON - THREE (3) YEARS CONTRACT
YURAN TAWARAN: \$50.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam**

2.00 petang hari Selasa, 12 Ogos 2014. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Blok D, Tingkat 1 Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Jumaat).

Bayaran tawaran, "Tender fee" hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:

Isnin - Khamis: 8.00 pagi - 12.00 tengahari
2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat: 8.00 pagi - 11.30 pagi

2.30 petang - 3.00 petang

Waktu bagi menerima bayaran bulan Ramadan:

Isnin - Khamis: 8.00 pagi - 11.45 tengah hari

Jumaat: 8.00 pagi - 10.00 pagi

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur

(non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman Web: <http://www.mindef.gov.bn>



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

BILANGAN SEBUT HARGA:
05/JPD/JKSH/2014-2015

TAJUK SEBUT HARGA:

TAWARAN KERJA-KERJA PEMBER-SIHAN DALAM DAN LUAR BANGUNAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, CAWANGAN DAERAH TUTONG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. **SEBUT HARGA** adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat serta pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Borang sebut harga dan keterangan spesifikasi bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Beribi, Gadong** semasa waktu pejabat iaitu **8.00 pagi -**

11.30 pagi dan dari 2.00 petang hingga 4.00 petang.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan: LTN/4(39/1997).

10. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh Syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari Syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DIBANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 742 TAHUN 2010
STANDARD CHARTERED BANK
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen Vs**

**MAHMUD HOESAINI BIN MAHMUD
BESIUNI
(BYIC No. 00-118858)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **29 Mei 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**MAHMUD HOESAINI BIN MAHMUD
BESIUNI**

No. 2, Simpang 560-42, Kampung Sungai Hanching, Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 3 Oktober 2011

Bertarikh: 7 Jun 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Mei 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 Julai 2014, jam 9.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Julai 2014, jam 9.00 pagi**.

Bertarikh : 5 Jun 2014

**KEBANKRAPAN NO. 9 TAHUN 2014
BAIDURI BANK BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen Vs

**JULI HASMADI BIN AHMAD JURIAH
(BYIC No. 00-269415)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **22 Mei 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

JULI HASMADI BIN AHMAD JURIAH

No. 181 'A', Kampung Penanjong, Tutong TA2741

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 17 April 2014

Bertarikh: 5 Jun 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Mei 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai

perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Julai 2014, jam 10.00 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Julai 2014, jam 10.00 pagi**.

Bertarikh : 5 Jun 2014

**KEBANKRAPAN NO. 274 TAHUN
2013
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen Vs

**ANIDAHSAIDATULSALWA BINTI HJ
SHAHBUDIN
(BYIC No. 00-293581)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **24 Mei 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**ANIDAHSAIDATULSALWA BINTI HJ
SHAHBUDIN**

No. 37, Kampung Selayun, Sengkurong 'B', BG1721

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 25 Februari 2014

Bertarikh: 7 Jun 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **24 Mei 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Julai 2014, jam 10.15 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Julai 2014, jam 10.15 pagi**.

Bertarikh : 7 Jun 2014

**KEBANKRAPAN NO. 21 TAHUN 2014
UNITED OVERSEAS BANK LTD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen Vs

**HAJI SHAMSUL BAHRAIN BIN HAJI
MOHAMMAD YUSOF
(BYIC No. 00-121955)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang
NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **17 Mei 2014**.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**HAJI SHAMSUL BAHRAIN BIN HAJI
MOHAMMAD YUSOF**

No. 19, Simpang 1800, Kampung Junjungan, Mukim Pengkalan Batu BH2123

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 23 April 2014

Bertarikh: 7 Jun 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Mei 2014**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **9 Julai 2014, jam 10.45 pagi**.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Julai 2014, jam 10.45 pagi**.

Bertarikh : 7 Jun 2014

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**KEBANKRAPAN NO. 250 TAHUN 2010
BAIDURI BANK BERHAD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen Vs

**SUFIAN BIN SHAHDAN
(K.P. Brunei No. 00-262406-Kuning)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Bahawa Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **28 Mei 2014**.

Nama dan alamat Bankrap:
SUFIAN BIN SHAHDAN
No. 69 'D', Jambatan 11-15, Jeti 5
Kampung Bolkiah 'A' Bandar Seri Begawan BK1125
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan : 30 November 2013.
Tarikh: 2 April 2014

**KEBANKRAPAN NO. 19 TAHUN 2004
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

**... Pemiutang /Pemetisyen
HJH SARIMAH BINTI AWG HJ
TENGAH**

(K.P. Brunei No. 00-067109 -Kuning)
... Penghutang /Penentang

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH
PENERIMAAN DAN NOTIS**

**PELEPASAN/PEMBATALAN
PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian :

a) Bahawa Perintah Penerimaan dan Perintah yang dibuat terhadap Penghutang **telah dilepaskan/dibatalkan pada 15 Mei 2014**.

Nama Penghutang :

**HJH SARIMAH BINTI AWG HJ
TENGAH**

No. 9, Simpang 74-59-108-37-6-11-18-6
STKRJ Katok 'B' Kampung Mata-Mata,
Gadong BE1918
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 2 Jun 2014.

**KEBANKRAPAN NO. 274 TAHUN 2001
HSBC FINANCE (B) BERHAD**

... Pemiutang /Pemetisyen Vs

**MOHAMED BAKHTIAR SHAM BIN
SHAMSUDDIN**

(K.P. Brunei No. 30-105722 -Kuning)

... Penghutang /Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 19 Januari 2002 **telah dibatalkan pada 22 Mei 2014**.

Nama dan alamat Bankrap :

**MOHAMED BAKHTIAR SHAM BIN
SHAMSUDDIN**

Alamat penghutang:
No. 578 , Jalan Kebangsaan Lama Kampung Sungai Akar, Berakas BC 4145
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 2 Jun 2014

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam**.

**NOTIS MENGENAI DIVIDEN
TERAKHIR**

Nama Penghutang: **NORDIN BIN HJ OMAR** (RBAF I/C No. 124271)

Alamat: No. 63, Jalan 11, Kampung Perpindahan Lambak Kanan Berakas BB1714

Negara Brunei Darussalam. Mahkamah-Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Nombor -Kebankrapan No 382 Tahun 2010 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100.00 sen Pertama atau Terakhir atau selainnya - Terakhir Bila dibayar - 11 Ogos 2014 Di mana kena bayar - Pejabat Pegawai penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:11 Jun 2014

**Timbalan pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**



**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. SYARIKAT/PEMBEKAL adalah dipelawa untuk mengemukakan bagi membekalkan dan menyediakan peralatan/perkakas Sistem Pembesar Suara bagi Majlis Ramah Mesra Dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Sempena Sambutan Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-67 Tahun Bagi Daerah Belait.
2. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dokumen-dokumen tawaran (Specification) bagi pekerjaan tersebut bolehlah diperolehi dari Jabatan Daerah Belait, Kuala Belait semasa waktu bekerja.
3. Sebut harga hendaklah dihadapkan ke jabatan ini dengan menggunakan borang yang berkembar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Tingkat 1 Jabatan Daerah Belait.
4. Sebut harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (SEALED) dan di sebelah luar sampul hendaklah dibubuh "SEBUT HARGA MEMBEKAL & MENYEDIAKAN PERALATAN/PERKAKAS SISTEM PEMBESAR SUARA BAGI ACARA SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-68 TAHUN BAGI DAERAH BELAIT" tanpa menunjukkan identiti pembekal seperti berikut:-

"SEBUT HARGA MEMBEKAL & MENYEDIAKAN PERALATAN/PERKAKAS SISTEM PEMBESAR SUARA BAGI ACARA SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE -68 TAHUN BAGI DAERAH BELAIT"

Tarikh tutup: Hari Selasa, 22 JULAI 2014, JAM: 2.00 PETANG

KEPADA:

PENGERUSI JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN-SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-67 TAHUN BAGI DAERAH BELAIT

5. Syarikat/pembekal yang berjaya hendaklah bersedia pada bila-bila masa menyediakan peralatan/perkakas Sistem pembesar Suara berserta tenaga kerja jika dikehendaki.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.
7. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**MEMBAIKPULIH KEROSAKAN
BANGUNAN RUMAH PANGSA E6
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS**

**Rujukan Tawaran :
POS/T/18/JPP/2014-2015**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Bayaran dokumen tawaran dan pentadbiran sebanyak \$10.00 setiap tawaran (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja dalam matawang ringgit Brunei.
3. Dokumen dan borang tawaran serta syarat-syarat tawaran boleh didapati:-
Bahagian Kewangan
Tingkat 1, Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam
4. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan diterima.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapat dan bertandakan:-

**Membekalkan Pakaian Seragam Posmen
Jabatan Perkhidmatan Pos
Rujukan Tawaran :
POS/T/18/JPP/2013-2014**

Dialamatkan kepada:-

**PETI SEBUT HARGA
Tingkat 1, Pejabat Ketua Pos Agung
Pejabat Besar Pos
Bandar Seri Begawan BS8611
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Selasa, 8 JULAI 2014, jam 2.00 petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima. Tarikh tutup hendaklah ditulis di atas sampul surat tawaran.

7. Tawaran-tawaran yang dihadapkan hendaklah menyertakan:
a. Salinan lesen rampaian yang sah
b. Salinan sijil pendaftaran perniagaan 16 & 17.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI
SEBUT HARGA
JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK**

**BIL TAWARAN :
JPE / LTK / BP/ 080 / 2014**

**TAJUK KERJA :
PEMBEKALAN TENAGA ELEKTRIK
11KV BAGI TAPAK PENETASAN IKAN
MARIN DI KG KERAMUT, DAERAH
TUTONG - EXTERNAL ELECTRICAL
WORKS**

**YURAN TAWARAN:
B\$50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**TARIKH TUTUP : 22 JULAI 2014
(HARI SELASA, JAM 2.00 PETANG)**

**TEMPAT TUTUP : 'TENDER BOX'
PENGERUSI
LEMBAGATAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI,
JALAN MENTERI BESAR**

**BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**KELAYAKAN : MEMPUYAI
PENDAFTRAN SYARIKAT DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DALAM KELAS III DAN KEATAS
SERTA MEMPUYAI PEKERJA YANG
BERDAFTAR DENGAN JPE DALAM
KATEGORI KERJA E02, E03 DAN E05**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran dan perenangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat Satu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN:

Sila sertakan salian "BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958-SECTION 16 & 17 dan sijil pendaftaran pemborong (MOD) semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DI DALAM KELAS IV, V & VI DI
BAWAH KATEGORI: 3/ KA 01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran :
Hari Selasa, 8 JULAI 2014

Tarikh tutup pada : Hari Selasa, 22 Julai 2014, jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran :
JKR/DBSTUT 005/2014**

Nama Projek :

**KERJA-KERJA PEMBAIKAN KE
ATAS KEROSAKAN BENTENG JALAN
DI JALAN LONG MAYAN,
DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Nombor Projek :

2014/TUT/K10983-02

Yuran Tawaran : \$500.00

(Tidak dikebalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS IV, V & VI DI BAWAH
KATEGORI: 3/ KA 01 SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : Hari Selasa, 8 JULAI 2014

Tarikh tutup pada :

Hari Selasa, 22 Julai 2014, jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran :
JKR/DBSTUT 006/2014**

Nama Projek :

**KERJA-KERJA MELINDUNGI
BENTENG JALAN DI JALAN PENJARA
MARABUNG, DAERAH TUTONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Nombor Projek :

2014/TUT/K10983-03

Yuran Tawaran : BND30.00

(Tidak dikebalikan)

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-
PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI
DALAM KELAS 11&111 DI BAWAH
KATEGORI: 4 (e) SAHAJA**

Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran : Hari Selasa, 8 JULAI 2014

Tarikh tutup pada :

Hari Selasa, 22 Julai 2014, jam 2.00 petang

**Bilangan Tawaran :
JKR/DBSTUT 007/2014**

Nama Projek :

**MEMBUBUH ASPAL BAGI LETAK
KERETA BANGUNAN KERAJAAN
KLINIK KAMPONG TUTONG**

Nombor Projek : 2014/TUT/B00405

Yuran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat

Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran.

Cetusan Minda

Oleh:
Haji Mohd. Salleh
Abdul Latif,
Penerima Anugerah
Penulis Asia
Tenggara 1990
(The S.E.A.
Write Award 1990)



Sejarah Pergerakan Belia, Kan Halnya...!

BILANGAN 110

begitu tinggi.

Sebenarnya luapan semangat belia di kalangan warga Brunei sudah terserlah sejak awal tahun 1930-an lagi. Hasil penyelidikan penulis menunjukkan bahawa sebuah badan kebajikan yang bernama Persatuan Sahabat Pena Brunei, ringkasnya PSPB, telah ditubuhkan sekitar tahun 1934. PSPB diketuai oleh Duli Pengiran Pemanca Pengiran Haji Mohammad Yassin bin Pengiran Omar Ali. Malah PSPB berjaya membuka cawangannya di Kuala Belait pada tahun 1937. Ketika Jepun mula menduduki Brunei pada awal tahun 1941, PSPB pun turut berkubur untuk selama-lamanya.

Alhamdulillah, semangat berpersatuan di kalangan belia tanahair ketika itu tidak pernah luntur. Persatuan Melayu Brunei, ringkasnya PMB, ditubuhkan sekitar tahun 1938. Persatuan ini semacam memenuhi kehendak warga Brunei yang sudah sedar makna berorganisasi. Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, PMB sudahpun mempunyai ahli seramai 300 orang.

Hemat penulis, Persatuan Sahabat Pena Brunei (PSPB) dan Persatuan Melayu Brunei (PMB) adalah persatuan belia sukarela awal yang menjana kesedaran kepada rakyat Brunei terutama di kalangan para belianya dalam menyemai semangat dan fahaman nasionalisma. Selepas Perang Dunia Kedua tamat dan berakhirnya pendudukan Jepun di Brunei pada 12 April 1946 ditubuhkan sebuah persatuan belia yang dikenali sebagai Barisan Pemuda Brunei, singkatannya BARIP.

Pengasas dan pimpinan BARIP adalah terdiri daripada para pendidik. Pengasas BARIP ialah Cikgu Jamil bin Umar, Cikgu Zainal bin Puteh, Cikgu Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Cikgu Abdul Hamid bin Bujang dan Hidup bin Besar. Di kalangan mereka ini adalah lepasan Maktab Latihan Guru Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

BARIP pada ketika itu bertindak sebagai wadah golongan nasionalis bagi menyuarakan isu-isu sosioekonomi semasa sahaja. Apa yang ada pada kepimpinan BARIP pada masa itu ialah semangat kesatuan dan perjuangan sahaja. Kemunculan BARIP berlainan dari PSPM dan PMB kerana keahlian BARIP meliputi orang-orang Sarawak dan Borneo Utara (nama Sabah ketika itu). Keahlian BARIP dianggarkan mencecah 10,000 (sepuluh ribu) orang. Bayangkan!

BARIP tidak dapat bertahan lama, dan mula menunjukkan kelumpuhan pada tahun 1948. Antara sebab kelumpuhan BARIP ialah puncak pimpinan tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Ahli-ahli yang aktif dalam BARIP adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan seperti guru, kerani dan lain-lain. Pihak Inggeris pun ketika itu sudah begitu curiga dengan pergerakannya.

Bagi pandangan pihak Inggeris, BARIP bukan pertubuhan kebajikan belia sukarela, ianya sudah ada tanda-tanda mirip badan politik. Lagipun ketika itu gelodak dan arus kebangkitan semangat nasionalisma di kalangan belia Tanah Melayu (Malaya), dan Indonesia turut dirasakan tempiasnya ke Brunei. Pihak kerajaan Inggeris menggunakan peraturan yang termaktub dalam The Registraton Society Ordinance 1933 yang “tidak membenarkan kakitangan kerajaan melibatkan diri secara aktif dalam sebarang pertubuhan”.

Namun warga Brunei tidak pernah mati akal. Warga Brunei dari zaman bahari hingga kini memang terbudaya punya akal panjang! Apabila terhidu BARIP hendak dilumpuhkan oleh pihak Inggeris maka pada tahun 1947 ditubuhkan sebuah persatuan kebajikan yang diberi nama Persatuan Murid Tua Brunei Borneo, ringkasnya

MUTU. Tujuan penubuhannya antara lain ialah bagi menyambung tali persaudaraan antara murid-murid tua Melayu, memperbaiki pegangan dan pendirian murid tua Melayu serta memperbaiki serta meningkatkan pelajaran anak Melayu.

Keahlian MUTU adalah terdiri dari kalangan “murid-murid tua” sekolah Melayu yang menamatkan persekolahan Darjah IV ke atas sama ada lelaki dan perempuan serta sekurang-kurangnya berumur lebih 13 tahun ke atas. Menurut fail BRO/224/47 bahawa sebelum MUTU didaftarkan, telahpun memilih ahli jawatankuasa tertingginya. Yang Di-Pertua ialah Pengiran Anak Sapiudin bin Pengiran Pemanca Haji Mohd Yassin, Naib Yang Di-Pertua ialah Ibrahim bin Bungsu, Setiausahanya ialah Abdullah bin Alihashim, Bendahari ialah Ak Kamaluddin bin Pengiran Haji Metussin. Ahli-ahlinya ialah Hapiz Laksamana, Ismail bin Serudin, Hidup bin Besar (H.B. Hidup), Ahmad bin Ibrahim, Md Daud bin Tunjang, Abdullah bin Wahab dan Othman bin Bakar. MUTU diluluskan pendaftarannya pada 11 Disembar 1947. Persatuan belia ini bergerak agak perlahan malah ibarat hidup segan mati tak mahu selama lapan tahun akhirnya lenyap begitu sahaja pada tahun 1955.

Pada tahun 1956 ditubuhkan persatuan belia dengan nama Majlis Pemuda-Pemudi Brunei, ringkasnya MPPB, yang diasaskan oleh Pengiran Mohd Yusof bin Pengiran Abdul Rahim. Pendorong utama penubuhan persatuan belia ini ialah atas kesedaran yang begitu tinggi dan tanggungjawab bernegara yang wajar digalas oleh warga Brunei sendiri. Penubuhan MPPB telah dapat menyatupadukan para belia tanah air, di samping berusaha meningkatkan imej belia tempatan dan memperlihatkan keprihatinan belia terhadap kemajuan negara dalam segala bidang.

MPPB di bawah kepimpinan Pengiran Moktar Putih bin Pengiran Rajid (1960 hingga 1964) telah mula mendedahkan belia tanah air ke peringkat serantau dan antarabangsa. MPPB diterima menjadi ahli gabungan kepada Pertubuhan Belia Sedunia atau World Assembly of Youth (WAY) pada tahun 1963.

Kemudian pada tahun 1964 nama Majlis Pemuda-Pemudi Negeri Brunei (MPPB) ditukar dengan nama baru iaitu Majlis Belia-Belia Brunei, ringkasnya MBB. Dasar dan tujuan MBB tidak berubah. Ianya tetap sama. Malah lebih merupakan kesinambungan MPPB serta mengemaskini lagi pergerakan belia sesuai dengan keadaan.

MBB adalah indung ataupun gabungan kepada persatuan-persatuan belia yang wujud di Brunei Darussalam. Pada tahun 1966 terdapat sejumlah 43 buah persatuan belia yang telah didaftarkan dan mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan-Pertubuhan, Brunei. Pada tahun 1969 jumlah persatuan meningkat kepada 45 buah persatuan belia iaitu sejumlah 29 buah persatuan belia ditubuhkan di Daerah Brunei Muara, 9 buah persatuan belia di Daerah Tutong, 5 buah persatuan belia di Daerah Belait dan 2 buah persatuan belia di Daerah Temburong.

MBB pernah diterajui dan dipimpin oleh Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib DSP Haji Umar (1966 hingga 1968); Haji Mohd Zain bin Haji Serudin (1968 hingga 1976); Haji Jaya bin Abdul Latif (1977 hingga 1980); dan Haji Awang Hussin bin POKDSD DLU Haji Mohd Yusof (1981 hingga 1984). Penulis meninggalkan MBB pada bulan Mei, 1980 kerana melanjutkan pelajaran. Sejak itu hingga kini penulis hanya jadi tukang tonton pergerakan belia. Tidak lagi menjadi aktivis belia MBB.

MBB adalah ahli kepada Majlis Belia Asia (Asia Youth Council, ringkasnya AYC) pada 14 Ogos 1972 ketika di bawah pimpinan Haji Mohd Zain bin Haji Serudin. Kemudian

MBB melangkah lebih jauh dengan menganggotai Perhimpunan Belia Islam Sedunia (World Assembly of Muslim Youth, ringkasnya WAMY) pada tahun 1978, yang ketika itu dipimpin oleh Haji Jaya bin Abdul Latif.

Penulis adalah ahli kepada MBB sejak tahun 1969 hingga Mei 1980. Lepas itu penulis tidak lagi melibatkan diri dengan pergerakan belia. Semasa mengetuai Bahagian Penerangan MBB, penulis dengan dokongan rakan-rakan yang lain telah dapat menerbitkan “Berita MBB” dalam bentuk stensilan, kertas A4. Mempunyai antara 24 ke 32 mukasurat. Sebanyak empat penerbitan dapat diungkayahkan. Majalah stensilan ini terbit tiga bulan sekali. Penulis masih ingat bahawa kerja-kerja menaip teks ini dilakukan pada hari-hari selepas awam dengan menggunakan mesin taip pejabat. Kerja menggeleng stensilan dan menjilid “Berita MBB” itu pun dilakukan juga di pejabat. Bukan pejabat MBB. Maksud penulis ialah pejabat kerajaan di mana aktivis-aktivis belia itu bertugas. “Curi-curi” guna mesin stensilan pejabat demi kepentingan MBB! Zaman itu penggunaan mesin ‘photostat’ begitu terhad malah dianggap sebagai alat pejabat yang mewah. Siapa yang pernah pakai stensilan, akan tahu betapa rimas dan kamahnya jari jemari disebabkan oleh dakwat hitamnya dan kertas karbon stensilan itu! Namun kami yang bertugas menerbitkan majalah “Berita MBB” itu sungguh-sungguh merasakan kepuasan kerana dapat menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli kerabat MBB. Masya-Allah, masa itu mana ada kemudahan asas perhubungan seperti telefon!

Kertas dan lain-lainnya itu dikongsi sama beli sendiri. Dari koeck diri sendiri. Ketika itu bilik gerakan MBB hanyalah sebuah bilik kecil di Pusat Belia. Tiada mesin taip. Tiada kerani. Malah tiada apa-apa. Bukankah, MBB adalah pergerakan belia secara sukarela! Penulis tidak ingat tahun bila MBB dapat bilik sendiri di Pusat Belia. Bilik gerakan MBB diberi setelah rapat kali ditimbulkan dalam Kongres Agung MBB oleh ahli-ahli kerabatnya.

Hakikatnya, aktivis-aktivis belia pada ketika itu demi menggerakkan kegiatan berpersatuan tidak kedekut mengguna wang dari koeck sendiri. Sungguh-sungguh sukarela. Aktivis belia sezaman dengan penulis pada ketika itu antaranya (menyebut nama-nama yang teringat dalam kepala ketika menulis cetusan ini) ialah Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid, Pengiran Yusof bin Pengiran Anak Hashim, Abdul Latif bin Ibrahim, Mustafa bin Haji Abdul Rahman, Sumadi bin Sukaimi, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Tengah, Harun bin Ismail, Yusof bin Muhammad, Damit bin Kawang, Junaidi bin OKSN Haji Safar, Ahmad bin Kadi, Ahmad bin Haji Rani, Abdullah bin Abdul Rashid, Mohd Zun, Pengiran Muhammad bin Pengiran Haji Abas, Pengiran Yakub bin Pengiran Muhammad, Abdul Rahman bin Haji Yusof, Pengiran Muhammad bin Pengiran Chuchu, Rais bin Baneh, Abdul Wahab bin Haji Tengah, Abdul Rahman bin Salim, Adanan bin Haji Mohd Salleh, Sulaiman Udin, Mohd Hatta bin Haji Zainal Abidin, Harun bin Mokti, Ismail bin Apong, Muhammad bin Sukaimi dan ramai lagi. Pegawai pentadbir seperti Yakub bin Ahmad, Muhammad bin Haji Serudin, Puasa bin Tudin, Judin bin Asar, Ahmad bin Hj Mohd Yusof dan lain-lainnya juga sangat aktif dalam pergerakan belia yang sezaman dengan penulis. Kemudian terdapat juga aktivis belia “belakang tabir” yang seangkatan dengan penulis tapi bukan ahli MBB seperti Abdul Kadir bin Taha, Yusof bin Gumbol dan lain-lain lagi. Majoriti aktivis belia ini adalah kakitangan kerajaan. Syukur! Ya, ini persatuan

belia bukan badan politik!

Aktivis-aktivis belia ketika itu lantang bersuara semasa diadakan Kongres Agung MBB pada tahun-tahun 70-an. Membangkitkan isu-isu nasional yang bernada sosio-ekonomi-politik, isu-isu semasa yang berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan tetapi ya persatuan belia tanahair bukan badan politik! Mana-mana sajalah. Lagipun pada masa itu, pergerakan belia tanahair begitu ketara gerak dan tindakannya. Proaktif, lincah dan terserlah sikap penuh kebertanggungjawaban demi survival bangsa, agama dan tanahair sesuai dengan slogan keramat MBB zaman itu, iaitu “Angkatan Sedar Mewakili Zamannya”. Slogan yang amat menjana sejujur dan seikhlasnya semangat belia!

Kan halnya, semasa menghadiri Seminar Peradapan Islam anjuran Perhimpunan Belia Islam Sedunia (WAMY) dengan kerjasama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) di Universiti Malaya selama 3 hari itu pada bulan April 1980 itu penulis masih ingat duduk dengan aktivis-aktivis belia serantau dan antara-bangsa. Kertas utama seminar itu ialah tentang peradapan Islam yang disampaikan oleh Prof Ungku Abdul Aziz. Kertas perdana itu disampaikan dalam bahasa Inggeris.

Masih segar dalam ingatan bahawa duduk bersebelahan penulis ialah aktivis belia Malaysia daripada sayap pemuda sebuah badan politik di negara jiran itu, namanya Ahmad Zahid dan aktivis-aktivis belia ABIM seperti Kamaruddin Jaafar. Dalam sesi soal-jawab, penulis ikut berbicara memberikan pandangan. Ahmad Zahid lebih lantang menyuarakan tentang kebangkitan pergerakan Islam yang sedang melanda dunia ketika itu. Penulis, Ahmad Zahid dan 4 orang aktivis ABIM dan 4 orang aktivis dari negara yang lain menjamu selira sebelah malam di Medan Selira bangunan MARA sambil bertukar-tukar pandangan mengenai dengan pergerakan belia serantau. Mula-mula kami tunaikan solat maghrib berjemaah di Masjid India, lepas itu dengan sebuah van muatan 8 orang tempat duduk bersesak-sesak pergi ke Medan Selira. Santai kami nikmati hidangan makan malam dengan tangan. Itu yang kami lakukan dua malam berturut-turut. Bersepakat awal bagi melontar fikiran agar tidak bertindih untuk dibawa ke seminar keesokan harinya. Ada kesepakatan meski kami datang dari negara berlainan. Waktu itu lalu lintas di Kuala Lumpur hanya kekadang “traffic jam”. Yang ada, ya, hon kereta yang saling tingkah bertingkah. Saja-saja bunyikan hon kereta di jalanraya, terutama teksi.

Penulis masih ingat antara rumusan seminar itu ialah melaksanakan sistem perundangan berdasarkan Al-Qur'an dan Sunah Rasulullah demi mewujudkan keamanan, kesejahteraan serta kebahagiaan abadi dalam masyarakat Islam mahupun dalam masyarakat bukan Islam. Perlunya sejarah Nusantara direkonstruksi dan diberi perspektif Islam demi menimbulkan kebenaran yang hakiki dalam sejarah itu serta menyeru agar institusi-institusi tinggi yang mempunyai hubungan penyelidikan kebudayaan Melayu memulakan pengkajian yang mendalam mengenai penyerapan dan penjiwaan Islam dalam kebudayaan Melayu agar nanti dapat membuktikan bahawa dalam bidang-bidang kesenian, persuratan, adapt istiadat, nilai, norma dan kepercayaan masyarakat mestilah dapat menggambarkan ciri-ciri keislaman atau tidak bertentangan dengan syariat. Rumusan seminar itu juga menyeru bagi mewujudkan dasar pembangunan negara yang berlandaskan kepada dasar-dasar akhlak dan keadilan serta menghapuskan amalan ekonomi yang memeras.

Ya, dalam usia senja mengenang peristiwa lalu cukup membahagiakan. Sering juga tersenyum sendiri. Bagi sebilangan orang, perjuangan dalam apa bentuk sekalipun tetap akan diteruskan dengan cara kemampuan, bidang dan bakat masing-masing. Terserah!

Anak yatim terima sumbangan persediaan Aidilfitri

Dari muka 1

Sementara itu, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Noridah binti Abdul Hamid dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, seramai 5,204 anak yatim yang berumur di bawah 18 tahun yang berdaftar dengan JAPEM dari seluruh negara menerima sumbangan derma daripada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan, Tabung Dana Anak Yatim DBM dan BIBD pada tahun ini.

Daripada jumlah ini, jelasnya, seramai 3,372 orang anak yatim dari DBM menerima terus derma pada hari ini, manakala 757 orang anak yatim dari Daerah Belait, 830 orang dari Daerah Tutong dan 245 orang dari Daerah Temburong akan menerima melalui Pegawai-Pegawai Daerah masing-masing.

Menurutnya, kadar sumbangan yang dihulurkan melalui Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan adalah tertakluk kepada jumlah derma yang diterima oleh jabatan ini daripada para dermawan.

Terdahulu beliau berkata, sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap kebajikan anak-anak yatim adalah sangat dituntut oleh agama kita.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, jelasnya, kita merasa bersyukur kerana mempunyai masyarakat yang sangat prihatin terhadap nasib anak-anak yatim di negara ini dan sentiasa bermurah hati dalam menghulurkan derma sama ada secara berseorangan atau berkumpulan.

Sikap keprihatinan dan tanggungjawab yang ditunjukkan oleh orang ramai ini, jelasnya, adalah satu pertanda yang menggambarkan komitmen yang jitu dalam kalangan orang ramai terhadap kebajikan anak-anak yatim di negara ini.

Beliau berharap derma yang dihulurkan pada hari ini sedikit sebanyak akan dapat menampung perbelanjaan anak-anak yatim untuk sama-sama bergembira menyambut Hari Raya yang akan menjelang dan pada waktu yang sama mengharapkan anak-anak yatim akan dapat menggunakan derma-derma yang diterima dengan sebaik mungkin dan tidak membelanjakannya kepada perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Majlis juga diisikan dengan bacaan tahlil, doa arwah dan doa selamat dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Pintu Malim, Awang Haji Azrol Alim bin Haji Zaini.

Pada majlis itu, seramai 13 orang anak yatim juga menerima Skim Hadiah Galakan Pelajar-Pelajar Cemerlang yang disampaikan oleh Pemangku Menteri Kewangan Kedua di JPM.

Hadiah tersebut merupakan sumbangan dari BIBD bagi anak-anak yatim yang memperolehi kecemerlangan dalam tiga kategori peperiksaan utama pada tahun 2013 iaitu empat orang menerima hadiah Penilaian Sekolah Rendah, lima orang menerima hadiah Peperiksaan GCE 'O' Level dan empat orang menerima hadiah Peperiksaan GCE 'A' Level.

Dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI, Awang At Hoi Firdaus bin Hassan, 17, yang menetap di Kampung Manggis, bersama dua orang sahabatnya, Awang Muhd. Malek bin Abdullah, 14, dan Awang Md. Wafi Syauqi bin Abdullah, 13, masing-masing melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas sumbangan derma yang diterima.

Awang At Hoi Firdaus berkata, dengan adanya sumbangan yang diterima ini sedikit sebanyak akan dapat menampung perbelanjaan bagi membeli pakaian serta keperluan Hari Raya nanti.

Bagi Dayangku Nur Syifaa binti Pengiran Kamal Allim, 15, yang merupakan anak kedua daripada tiga beradik itu menjelaskan, sumbangan yang diterima ini akan digunakan dengan sebaiknya dan beliau akan membelanjakannya dengan sederhana mengikut keperluan dan selebihnya, In shaa Allah akan dapat disimpan untuk kegunaan di masa akan datang.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyampaikan sumbangan derma kepada seorang anak yatim. - Foto : Hamzah Mohidin.

JPM adakan majlis bertahlil



MAJLIS bertahlil dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dikepalai oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin. Bacaan tahlil dikepalai oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. Seterusnya bacaan doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Julai. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Majlis yang berlangsung di Kubah Makam Diraja didahului dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, manakala doa tahlil dibacakan oleh

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Antara yang hadir ialah Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan-Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned dan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apeng.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis tersebut dianjurkan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang dikelolakan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei.

Tadarus KHEDN bersama MPMK Daerah Tutong

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 3 Julai. - Majlis Tadarus Al-Qur'an Bulan Ramadan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Berserta Rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-Jabatannya Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi bagi Daerah Tutong diadakan bertempat di Masjid Kampung Bukit Udal, di sini.

Hadir dalam majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di KHEDN, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatannya, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Tutong, ahli-ahli MPMK dan jemaah masjid serta masyarakat sekitarnya.

Majlis Tadarus Al-Qur'an Bulan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan derma kepada seorang anak yatim di Kampung Bukit Udal pada majlis tersebut. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Ramadan ini merupakan salah satu usaha kementerian dalam mendekatkan hubungan silaturahim antara kementerian dengan kepimpinan akar umbi dan penduduk-penduduk mukim dan kampung di Daerah Tutong, selain sebagai salah satu aktiviti keagamaan tahunan kementerian itu dalam meraih kemanfaatan dan pahala dalam bulan Ramadan.

Majlis berkenaan diteruskan dengan bacaan tahlil dan doa selamat yang dibacakan oleh imam Masjid Kampung

Bukit Udal, diikuti dengan penyampaian sumbangan derma kepada 34 anak-anak yatim Kampung Bukit Udal dan sumbangan barang-barang wakaf berupa kabinet rak buku bagi keperluan masjid tersebut.

Rombongan berkenaan juga mengadakan majlis bersungai bersama penduduk-penduduk kampung dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis seumpamanya akan diteruskan di daerah-daerah lain di seluruh negara.

PERBANYAKKAN MEMBACA AL-QUR'AN, BERSEDEKAH, BERZIKIR BAGI MERAIH REDA ALLAH

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.